# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 14 | RABU 8HB APRIL, 1981. | رابو 3 ربيع الاخير 1401 | PERCHUMA


## DALAM SA-MINGGU

### Pemborong Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu kumpolan mengandongi 30 orang Pemborong2 Melayu akan menjadi tetamu kedua Bahagian Penerangan, Jabatan SUK, Khamis depan. Minggu lalu, satu kumpolan pemandu2 teksi, telah menjadi tetamu pertama Bahagian Penerangan. Tetamu ketiga ia-lah Pendudok2 Mukim Kampong Ayer, pada 7hb Mei, 1981.

### Lawatan persaudaraan

TEMBURONG.—Sa-ramai 55 orang saudara2 baru dari Daerah Belait akan mengadakan lawatan persaudaraan ka-daerah ini Ahad depan. Mereka akan mengunjongi saudara2 baru di-sini. Sa-masa lawatan, mereka ada-lah menjadi tetamu Bahagian Penerangan dan Tabligh JHEU.

### Mashuarat Agong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Angkatan Kampong Setia (AKSE) Brunei, akan mengadakan Mashuarat Agong pada 12hb April, 1981 mulai jam 1.30 petang. Ia-nya akan di-rasmikan oleh Penghulu Mukim Sungai Kebun, Pateh Haji Masri bin Ismail. Ada-lah di-harapkan supaya ahli2 persatuan tersebut dan orang2 kampong di-sekitar-nya akan dapat hadhir.

### Lawatan ka-BSP

SERIA. — Sa-rombongan 30 orang ahli2 Persatuan Sains PTE, telah mengadakan lawatan ka-Sharikat Minyak Shell sini minggu lalu. Sa-masa lawatan, mereka telah mendengar taklimat dan di-bawa melawat2 ka-berbagai bahagian Shell termasok Loji Gas Chechair Asli, LNG, Lumut.

### Kempen Kebersehan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sultan Lama (PAPP) telah melan-melancharkan satu kempen kebersehan di-kawasan yang terlibat dalam satu kejadian kebakaran di-kampong tersebut yang lalu. Kempen itu di-mulakan Isnin lepas dan akan di-sambong Ahad ini. Kerja2 tersebut di-bantu oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, JKR, Pejabat Daerah Brunei-Muara dan Bandaran.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kelihatan sedang memerhatikan kerja2 penggunaan 'Stamps Cancelling Machine' di-Bahagian Surat, Jabatan Pos.

# LAGI KEBAWAH D.Y.M.M. BERANGKAT KA-DUA BUAH JABATAN KERAJAAN

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei di-dalam siri keberangkatan Baginda ka-jabatan2 Kerajaan telah berangkat lagi melawat Jabatan2 Pos dan Letrik, pada 6hb April, hari Isnin lepas.**

Keberangkatan Baginda dan rombongan ka-dua buah jabatan tersebut yang berpentadbiran dalam satu bangunan merupakan jabatan kerajaan yang ke-19 Baginda telah lawati.

Mengiringi Baginda Yang Dipertuan dalam lawatan itu termasok-lah adinda Baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamad Bolkiah dan Penasehat Umom Baginda, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa.

Keberangkatan Baginda Yang Dipertuan ka-jabatan2 itu telah di-alu2kan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Pehin Orang Kaya Lailâ Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Ketua Pos Agong, Pengiran Jaluddin bin Pengiran

Lihat muka 22

# DUA PROFESSOR BAHASA BANTU KERJA2 PENERBITAN BUKU2 TEKS — PG. BADARUDDIN



Pengiran Badaruddin.

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka akan mendatangkan dua orang mahaguru dari Universiti Malaya untok membantu kerja2 menerbitkan buku2 teks sekolah2 di-samping membantu serta menolong kerja2 penyelidekan sastera lama Melayu Brunei.**

Professor Dr Nik Safiah bte Haji Karim, pakar bahasa akan bertugas sa-lama dua bulan di-bahagian Pembenaan dan Pengembangan Bahasa sementara Professor Doktor Mohd Taib Osman, Dekan Fakulti Sastera dan Sains Kemasharakatan Universiti Malaya akan bertugas sa-lama satu minggu di-Bahagian Pembenan dan Pengembangan sastera atau Bahagian Penyelidekan Jabatan DBP.

Demikian di-beritahu oleh Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani ketika beruchap sa-jurus sa-belum menutop rasmi Bengkel Drama dan Penulisan Nobel anjoran Asterawani yang telah berlangsong di-Balai Pameran DBP di-sini malam Sabtu lalu.

Sa-bagai sa-buah jabatan yang bertanggong-jawab terhadap perkembangan di-bidang sastera, bahasa dan kebudayaan, tambah-nya, Jabatan DBP juga akan berusaha menjadikan Bilek Kuliah sa-bagai sudut penulis bagi mengadakan cheramah, seminar, perjumpaan sastera dan dailog dengan tokoh2 penulis tempatan serta pakar2 bahasa dan sastera luar negeri.

Kata-nya sa-bagai langkah pertama untok memenafaatkan bilek tersebut sa-bagai sudut penulis, satu majlis cheramah khusus di-bidang tradisi lisan atau sastera pertutoran oleh Professor Mohd Taib Osman akan di-adakan pada bulan Mei depan. Cheramah ini juga kata-nya akan di-sertai oleh Asterawani.

Terdahulu dalam uchapan-nya, beliau mengharapkan Persatuan Asterawani supaya akan dapat mengungkayahkan usaha2 yang berterusan ia-itu sa-perti mengadakan Pesta Drama Kebangsaan dan Seminar Penulisan Nobel Brunei.

Menyentoh mengenai dengan chara untok meletakkan para penulis drama, para pelakun dan pengarah-nya di-tempat yang sa-wajar-nya, Pengiran Badaruddin menyarankan supaya satu bentok penghargaan yang berupa hadiah atau pun anugerah drama patut di-adakan.

"Ka-arah ini saya perchaya Jabatan Radio Talivishen Brunei akan dapat memikirkan-nya kerana media radio dan talivishen lebeh berkesan dalam menyalorkan ranchangan2 berbentok drama ini kapada orang ramai," ujar-nya.

### Manis-nya Iman

**SA-ORANG lelaki datang mengadap Rasulullah s.a.w. menguchapkan salam: "*Assalamu 'alaikum !*" Maka Baginda pun membalas salam itu, dan sa-telah orang itu dudok lalu Baginda memberitahu-nya : "Pahala-nya sa-banyak sa-puloh !" Datang lagi sa-orang lain dan menguchapkan salam: "*Assalamu 'alaikum warahmatullah !*" Maka Baginda pun membalas-nya, dan sa-telah orang itu dudok lalu Baginda memberitahu-nya : "Pahala-nya sa-banyak dua puloh !" Kemudian datang lagi sa-orang dengan menguchapkan salam : "*Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarkatuh!*" Baginda membalas, dan sa-telah orang itu dudok baginda pun memberitahu-nya : "Pahala-nya sa-banyak tiga puloh !" — HADITH riwayat Abu Daud dan At-Tirmizi daripada 'Emran bin Al-Husaini.**

### Liga bolasepak JKR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Liga bolasepak JKR kali ke-empat telah di-mulakan di-sini Ahad lepas. Sa-banyak 18 pasokan mewakili berbagai bahagian jabatan tersebut telah mengambil bahagian.

Liga tersebut di-rasmikan oleh Pengarah JKR, Yang Berhormat Dato Paduka Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Darwish. Kejohanan itu ada-lah salah satu achara perayaan ulang tahun Keputeraan Kebawah DYMM, tahun ini, sa-bagai projek tahunan jabatan itu.

### Airbus Penerbangan S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sharikat Penerbangan Singapura telah mengumomkan perkhidmatan penerbangan "Airbus"-nya yang baru minggu lalu.

Perkhidmatan Superbus A300 yang baru itu ada-lah bagi penerbangan Brunei-Singapura dan bermula pada hari Selasa lepas.

Pesawat Airbus tersebut berkemampuan membawa sa-hingga 222 penumpang dan perkhidmatan2 sa-rupa ini telah pun di-adakan bagi penerbangan2 di-antara Singapura dan Kuala Lumpur serta Manila dan Jakarta.

Di-dalam perkhidmatan Brunei-Singapura ini, pesawat tersebut meninggalkan Singapura jam 9.15 pagi dan mendarat di-Brunei jam 11.40. Penerbangan balek ada-lah pada pukol 12.45 dan akan tiba di-Singapura satu jam sa-tengah kemudian-nya.

**Pelita Brunei**

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

8HB APRIL, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## KEBIMBANGAN TERHADAP "KUASA" AL-KOR'AN

BARU2 ini di-bentangkan kapada kita betapa kebimbangan terhadap "kuasa" Al-Kor'an, dan chukop jelas betapa ia-nya chuba di-pisahkan dengan orang2 Islam. Perchubaan ini di-lakukan oleh sa-buah negara Komunis yang bukan saja melakukan penaklokan atau perchubaan menanamkan kuasa di-negara yang majoriti Islam, tetapi juga berkeinginan besar untok mengumbang-ambingkan pendudok2 Islam terhadap Al-Kor'an dan pegangan terhadap ajaran2 Islam. Taktik memisahkan orang2 Islam dengan Al-Kor'an antara lain-nya ia-lah menaikkan harga-nya sahingga $4,000.00 sa-naskhah menurut nilaian wang kita. Sa-lain dari itu terdapat perchubaan2 lain untok tidak menggalakkan orang2 Islam membacha atau memileki Al-Kor'an. Demikian-lah satu episod yang serios yang berlaku di-zaman ini yang berpuncha dari rasa bimbang dan takut akan kekuatan Islam yang sumber inti-pati dan semangat-nya ada-lah dari Al-Kor'an itu.

Kejadian ini di-timbulkan oleh sa-orang Pegawai Ugama Kanan kita apabila beliau terbacha laporan dari sa-buah akhbar asing yang Berbahasa Arab yang menyebut akan kejadian2 yang demikian itu.

Perkara yang di-timbulkan beliau itu dapat di-ambil sa-bagai satu peringatan kapada kita Umat Islam terhadap perchubaan2 dari gulongan2 yang mahu memutarkan perhatian kita dari berkiblat kapada ajaran2 Al-Kor'an kapada ajaran2 yang bukan di-tuntut oleh Al-Kor'an itu. Benar pun kejadian itu berlaku di-luar dari garisan kita, akan tetapi sekurang2-nya memberi amaran tentang betapa perlu-nya kita meningkatkan semangat dan keyakinan kita untok menumpaskan sa-tiap gejala2 yang serba mungkin menumpaskan keyakinan dan sikap kita orang2 Islam terhadap diri kita sendiri yang berkeinginan besar untok terus menggemilangkan chara Islam dalam segala hal itu.

Mungkin kita sa-lama ini berhadapan dengan gejala ringan dan tidak sa-keras kejadian yang di-timbulkan itu, akan tetapi kita harus waspada akan fungsi "ringan" yang boleh saja "menyasar" kapada perkara2 yang lebeh berat saperti mana adat kita membacha dari a baru sampai ka-z dan adat menghitong dari 1 baru sampai ka-10.

Kita mungkin dapat melihat akan gejala2 yang yang sudah memesong dari tuntutan Islam terutama-nya keadaan sekitar gelagat sosial yang mahu di-selarikan dengan tuntutan moden. Malang-nya tuntutan moden itu di-ladani dengan chara yang melulu sa-hingga moral masharakat kita semakin banyak yang menurun. Dan hari ini, biasa-lah kita dengar yang anak2 tidak lagi menghormati orang tua, tidak menghiraukan undang2 dan peratoran, berlumba2 terhadap kemewahan hatta melanggar hukum dan tata berbangsa atau bermasharakat dan delakun2 pada membenar2-kan diri.

Gejala2 yang sa-umpama ini ada-lah ringan pada penglihatan, tetapi itu-lah petanda2 menurunnya moral Islam dan akhir-nya nanti berjaya-lah gulongan2 yang mahu merenggangkan orang2 Islam dengan ajaran2 Islam sendiri dan mereka akan ketawa besar apabila orang2 Islam berada dalam keadaan yang kuchar-kachir.

# SHARIKAT KERJASAMA BUKAN LAMPU AJAIB: *"Di-iyang-iyang untong, untong menumpok!"*

PERKARA sa-buah kedai sharikat kerjasama yang bentok bangunan-nya di-sifatkan saperti 'gudang asap' telah di-timbulkan dalam Mashuarat Agong Kali ke-3 Sharikat Kedai Kerjasama Kampong Menengah, Temburong pada 27hb. Mach, 1981 lepas.

Setiausaha Sharikat ia-itu Awang Hamid bin Momin, salah sa-orang ahli yang menjadi tulang belakang sharikat itu, sachara rendah-diri telah membandingkan bangunan kedai sharikat-nya saperti 'gudang asap' tetapi Awang Mahmud Haji Bakyr, Pemangku Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama berpendapat bahawa 'gudang asap' itu bukan sebarang gudang kerana terbokti tugas-nya saperti 'gudang harta'.

Pendapat Pemangku Pesurohjaya itu ada-lah berpandukan perangkaan perniagaan sharikat kerjasama tersebut bagi tempoh tiga tahun berturut-turut. Pada tahun 1978 sharikat kerjasama itu telah mengalami rugi berseh sa-jumlah $32.47, tetapi keadaan itu telah berubah pada tahun 1979 dan 1980 di-mana ia telah mendapat untong berseh masing2 $5,964.23 dan $9,870.08. Jumlah belian dan jualan juga sa-makin bertambah dalam tempoh itu.

Sharikat Kedai Kerjasama Kampong Menengah telah di-daftarkan pada 26hb. Mach, 1977 dengan ahli asal sa-ramai 14 orang. Salah satu tujuan penubohan-nya ada-lah untok menggalakkan perangai jimat chermat, menolong diri sendiri, memajukan hal2 kerjasama sasama ahli, dan memperbaiki taraf ekonomi ahli2 melalui usaha-niaga yang lebeh baik.

Pada tahun kewangannya yang berakhir 30hb. April, 1980 sharikat kerjasama tersebut telah dapat mengumpolkan modal saham sa-jumlah $12,100.00 daripada 62 orang ahlinya. Jumlah harta sharikat dalam tempoh yang sama bernilai lebeh 25 ribu ringgit.

Dalam uchapan perasmian-nya, Pemangku Pesurohjaya telah chuba meyakinkan orang2 yang maseh ragu2 tentang kebaikan serta faedah yang dapat di-sumbangkan oleh sharikat kerjasama.

"Kejayaan sharikat kerjasama ini dapat di-jadikan satu bokti yang nyata bahawa perniagaan melalui sharikat kerjasama dapat memperolehi kejayaan, dapat mengatasi masaalah kesukaran mendapatkan barang2 keperluan harian, dan dapat memberi munafaat bukan sahaja kapada ahli2 sharikat tetapi juga pendudok2 di-dalam dan di-sekitar kampong," tegas beliau.

Menurut Pemangku Pesurohjaya, kerugian perniagaan di-sa-tengah-sa-tengah sharikat kerjasama dapat di-elakkan kalau matalamat penubohan-nya serta sistem pengurusannya betul2 di-jalankan menurut prinsip2 kerjasama.

Tidak ada sebab mengapa perniagaan sharikat tidak dapat maju dan ahli2 mendapat faedah daripada-nya kalau perniagaan sharikat di-jalankan dengan sempurna serta ahli2 taat membeli di-kedai sharikat, tegas beliau.

Sa-buah sharikat kerjasama ada-lah di-anggotai oleh orang2 yang bergabong dalam satu kumpolan dengan tujuan untok mengusahakan sa-suatu yang mereka tidak dapat usahakan sa-chara perseorangan.

Ini-lah salah satu unsor penting penubohan sasebuah sharikat kerjasama, tegas beliau, dan unsor ini-lah juga yang sering di-lupakan oleh ahli2 sharikat kerjasama yang menyebabkan sharikat itu tidak berjalan dengan lanchar.

Unsor itu jelas menggariskan yang penubohan sa-sebuah sharikat kerjasama ada-lah atas dasar kemahuan bersama untok mengusahakan sa-suatu demi kebaikan bersama. Jika mendirikan sa-buah kedai ada-lah kemahuan bersama dan chara sabaik2-nya untok mengatasi masaalah bersama, maka ada-lah tanggong-jawab bersama juga untok memata-matai yang pengurusan kedai itu berjalan dengan sempurna sa-hingga menchapai matalamat yang di-hasratkan bersama.

Tetapi apa yang sering berlaku ada-lah sa-baleknya, tegas Pemangku Pesurohjaya.

"Sa-sudah kedai tertuboh hanya dua tiga orang ahli yang mengalinga urusan kedai, sementara ahli2 yang lain hanya bermusim melawat atau membeli di-sana. Mereka hendakkan untong tetapi kalau tidak kelingahan, bagaimana hendak mendapat untong?"

Pemangku Pesurohjaya membandingkan yang kedai sharikat kerjasama bukan-nya saperti lampu ajaib: di-iyang-iyang untong, untong keluar menumpok!

Untok menekmati hidup dalam zaman moden ada-lah berkehendakkan bayaran' samada dengan tenaga atau wang ringgit.

"Kalau betis-tangan inda di-kerawatkan, sasuatu yang di-hajatkan inda akan datang bergolek ka-pangkuan sendiri. Kalau inda tekareh menchari lamiding atau pakis di-pinggir-pinggir hutan, terpaksa-lah membeli-nya dengan harga 50 sen saikat di-pasar, itu pun ikat-nya kurus changkir."

Menyentoh faedah atau keuntongan yang di-perolehi sa-sebuah sharikat kerjasama, Pemangku Pesurohjaya menjelaskan bahawa 'keuntongan' itu sabenar-nya ada-lah lebehan wang belian ahli2 sa-telah di-tolak perbelanjaan pengurusan sharikat, yang di-kembalikan kapada ahli2 sendiri pada penghujong tahun kewangan sharikat menurut peratusan saham atau belian mereka.

"Faedah saperti ini tidak akan di-nekmati oleh ahli2 sa-kira-nya mereka berbelanja di-kedai lain," kata Pemangku Pesurohjaya.

Pada sa-belah pagi lawatan beliau ka-Daerah Temburong itu, Pemangku Pesurohjaya telah mempengerusikan mashuarat jawatankuasa Sharikat Kedai Kerjasama Kampong Bokok bertempat di-Rumah Ketua Kampong.

Sharikat Kerjasama itu telah di-daftarkan pada 29hb. Nobember, 1977 dan pada masa ini sedang menjalankan perniagaan kedai runchit.

Tujuan mashuarat pada pagi itu ada-lah untok membinchangkan beberapa masaalah yang di-hadapi oleh sharikat tersebut. Untok meluaskan lagi kegiatan sharikat di-kampong tersebut, Jawatankuasa bersetuju untok memasoki kegiatan pertanian jika keadaan mengizinkan.



**KELIHATAN Pemangku Pesurohjaya Kerjasama, Awang Mahmud Haji Bakyr, ketika menyampaikan uchapan-nya di-mashuarat Kedai Sharikat Kerjasama Kampong Menengah, Daerah Temburong, yang baru lalu (gambar atas tiga dari kiri) sementara bawah ia-lah sa-bahagian jawatankuasa dan ahli Kedai Sharikat Kerjasama di-kampong itu.**





JOHAN bahagian qari 6458 AM Ak Ismail bin Pg Haji Omar yang akan mewakili bahagian Pusat Latehan AMDB yang akan berlangsong pada pertengahan bulan ini.

# KERAJAAN TERUS TINGKATKAN PENGAJARAN AL-KOR'AN

## — Haji Abdul Aziz Juned

**Oleh: Jahri Abd. Latif**



PEGAWAI Ugama Kanan, Awang Haji Abdul Aziz ketika merasmikan Musabaqah yang berlangsong pada malam hari Jumaat lalu.

BOLKIAH KEM—Harga sa-naskah kitab suchi Al-Kor'an di-Russia menurut sa-buah artikel yang tersiar dalam sa-buah akhbar asing berbahasa Arab ia-lah dua ribu dollar US (B$4,000).

Harga ini, bukan di-sebabkan nilai Al-Kor'an itu di-sana tinggi, sa-balek-nya Kerajaan Komunis Russia menindas orang2 Islam di-sana supaya mereka tidak berupaya membeli-nya untok di-bacha. Sa-masa penaklokan Russia ka-atas Afghanistan terdapat di-antara tentera2 Russia yang chuba menyeludopkan Al-Kor'an dari Afghanistan tetapi telah di-patahkan oleh pehak berkuasa Russia. Kerana kerajaan komunis tidak mahu menggalakkan orang2 Islam di-sana membacha Al-Kor'an.

"Mengapa Kerajaan Komunis Russia tidak mahu rakyat-nya yang berugama Islam membacha Al-Kor'an? Kerana mereka takut akan pengaroh Al-Kor'an dan mereka juga tahu bahawa Al-Kor'an itu mempunyai dainamo yang menjadi sumber kekuatan umat Islam," demikian di-terangkan oleh Pegawai Ugama Kanan, Ustaz Abdul Aziz bin Juned berucap ketika merasmikan Peraduan Musabaqah Membacha Al-Kor'an anjoran Pusat Latehan Askar Melayu Diraja Brunei di-Bolkiah Kem pada malam hari Jumaat lalu.

"Orang yang membacha Al-Kor'an ada-lah orang yang kuat, berani, bijaksana dan sehat kerana jiwa mereka sentiasa di-tuntun dan di-beri taufik oleh Allah s.w.t.," jelas-nya.

Al-Kor'an, kata-nya lagi, walau pun sudah berusia 15 abad, ia tetap merupakan kitab agong yang menjadi warisan umat islam, yang tidak di-pengarohi oleh perubahan dan keadaan zaman malah tidak timbul sungutan bahawa Al-Kor'an itu telah lapok, perlu di-ubah suai, sastera-nya tidak lagi menggetarkan, isi-nya berchanggah dengan penemuan2 ilmu dan teknik.

Keagongan Al-Kor'an terbokti, bahawa kitab ini tidak reput di-makan zaman dan tidak luntor oleh tamaddun manusia. Sebab Al-Kor'an itu sendiri, menurut Haji Abdul Aziz ada-lah tamaddun dan perlembagaan yang tidak boleh di-tandingi oleh hasil karya manusia.

Bahawa Al-Kor'an berbedza sa-kali dengan buku-buku atau kitab2 karangan manusia. Kitab2 itu tak usah berusia sa-ribu tahun, paling lama 200 tahun, ia hanya akan menjadi figura barang lama atau khazanah benda yunik yang tersimpan di-muzium. Tetapi berlainan dengan kitab suchi Al-Kor'an, ia terus memenangi hati dan perasaan manusia kerana ia merupakan wahyu, perkataan Allah bukan karangan manusia atau chiptaan Nabi Muhammad saperti tuduhan kaum orientalis, kata-nya di-majlis pada malam itu yang di-hadhiri oleh kira2 300 orang keluarga dan anggota Askar Melayu Diraja Brunei.

Terdahulu dari itu, beliau telah memuji usaha yang telah di-tunjokkan oleh Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei kerana menganjorkan musabaqah membacha Al-Kor'an. Kata-nya, chara atau langkah sa-umpama itu ada-lah merupakan usaha yang berkebajikan untok memelihara dengan sempurna warisan umat Nabi Muhammad s.a.w., ia-itu mendaulatkan kitab suchi Al-Kor'an.

Di-samping itu, kata-nya, Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan juga terus mengator langkah, bahkan dari sa-masa ka-semasa meningkatkan usaha ka-arah meluaskan pengajaran Al-Kor'an dalam bidang pembachaan, tafsir dan kesimpulan makna-nya. Dalam pada itu, Kerajaan juga sedang meranchang untok melateh dan memberi kursus hafaz Al-Kor'an kapada orang2 yang berkemampuan.

Peraduan musabaqah yang di-adakan pada malam itu telah memileh empat orang wakil untok menyertai pertandingan perengkat akhir yang akan di-adakan pada 16hb April depan. Johan Bahagian Qari telah di-menangi oleh 6458 AM Ak. Ismail bin Pengiran Haji Omar dan Naib Johan ia-lah 3664 Kpl Pengiran Jamaludin bin Pengiran Burut. Sementara Johan bahagian Qariah ia-lah Dayang Maimunah binte Haji Jaafar dan Naib Johan ia-lah Dayang Jamilah binte Mohd. Noor.

***Sa-bagai langkah supaya orang Islam tidak membacha Al-Kor'an, di-negeri Komunis, sa-naskah Kor'an di-jual dengan harga 2,000 (dua ribu) dollar US.***



SALAH sa-orang peserta qariah yang turut mengambil bahagian bagi isteri2 anggota Askar Melayu Diraja Brunei.

## Majlis Perjumpaan ibu-bapa dan guru2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu Majlis Perjumpaan di-antara ibu-bapa dan guru2 telah di-adakan di-Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil di-Kampong Setia di-sini baru2 ini.

Perjumpaan kali kedua itu di-adakan bertujuan bagi melantek ahli jawatankuasa baru bagi musim 1981 — 1982, dan melantek ahli jawatankuasa kechil bagi bahagian kampong2.

Majlis pada hari itu di-dahului dengan uchapan Guru Besar sekolah tersebut, yang menggesa supaya pehak ibu-bapa sentiasa berganding bahu dengan guru2 dalam memberikan perhatian yang penoh terhadap pelajaran anak2 mereka. Beliau juga berharap agar ahli2 jawatankuasa yang di-lantek pada hari itu sentiasa memberikan kerjasama dalam melaksanakan perkembangan sekolah2.

Majlis tersebut telah melantek Haji Sulaiman bin Ga'afar sa-bagai Pengerusi, Haji Musa bin Pengarah Haji Jair sa-bagai Timbalan Pengerusi, Awg. Marzuki bin Haji Salleh sa-bagai Setiausaha; Penolong Setiausaha, Awg. Kassim bin Bakar; Bendahari, Awg. Muhammad bin Haji Halim; Penolong Bendahari, Awg. Haji Ahmad bin Hussein; Pemereksa Kira2 I, Awg. Jais bin Safar dan Pemereksa Kira2 II, Awg. Merali bin Timbang.

Ahli Jawatankuasa Kechil juga di-lantek bagi Kampong2 Setia A, Setia B, Tarab Bau, Sg. Siamas, Ujong Kelinik, Saba, Menunggol dan Putat.

## Berkursus ka-Jerman Barat

BERAKAS. — Sa-orang lagi pegawai dari Chawangan Udara Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Major Karim bin Safar, akan berlepas ka-Jerman Barat Rabu depan, 15hb. April, bagi mengikuti satu kursus Ground Instructor di-Ottoburn.

Beliau akan mengikuti kursus tersebut selama sa-minggu, bermula pada 5hb. Mei hingga 12hb. Mei depan.

Sementara itu, 5754 LCpl Matasan bin Othman dari Skuadron Kereta Perisai, pasokan tersebut, telah berlepas ka-Singapura pada 4hb. April lalu bagi menjalani kursus Gunfitter NCO Kelas II.

LCpl Matasan telah memulakan kursus tersebut pada 6hb. April yang baru lalu di-Weapon & Optical Base, Kem I Mount Vernon di-republik itu. Kursus di-jangka akan berakhir pada 12hb Mei depan.

## Liga bolasepak RTB

BANDAR SERI BEGAWAN.—Badan Kebajikan dan Sokan Radio dan Talivishen Brunei telah memulakan liga bolasepak pertama-nya bertempat di-Padang Besar di-sini Ahad lalu.

Liga itu ada-lah bagi bahagian2 dalam jabatan tersebut dan telah di-rasmikan oleh Pengawal RTB, Dato James Miller yang juga telah menyumbangkan hadiah rebutan.

## Dua pegawai kanan AMDB di-naikkan pangkat

PERKHEMAHAN BERAKAS.— Rejimen Askar Melayu Diraja Brunei telah mengumomkan kenaikan pangkat dari Mejar ka-Leftenan Kolonel bagi dua orang pegawai2 kanan-nya baru2 ini.

Kenaikan2 tersebut ada-lah bagi Yang Dimuliakan Pehin Datu Harimau Padang Mejar Dato Seri Laila Jasa Haji Hussain dan Yang Dimuliakan Pehin Dato Maharaja Lela Dato Seri Laila Jasa Mejar Haji Musa.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Harimau Padang Leftenan Kolonel Dato Seri Lalia Jasa Hj Hussain kekal memegang jawatan beliau yang lama ia-itu General Staff Officer Kedua di-ibu pejabat Rejimen Askar Melayu Diraja Brunei dan Yang Dimuliakan Pehin Dato Maharaja Lela Dato Seri Laila Jasa Leftenan Kolonel Haji Musa kekal memegang jawatan beliau sa-bagai Pegawai Pengambilan Rejimen.

# Senarai penderma2 Tabong Mangsa Kebakaran Kg. Sultan Lama

Lim Seck Chong $2,000.00, Hamba Allah $100.00, Bank Kebangsaan Brunei, BSB. $5,000.00, Awg. Hj. Mohd. Dom bin Mohd. Taha $100.00, Singapore Associates Architect $100.00, Maymon bte Haji Mohammad $20.00, P.O.K. Indra Laila Haji Ismail bin Mat Serudin $1,000.00, Hjh. Fatimah bte Abdullah $50.00, Dyg. Hitam bte Kasim $100.00, Chua Kong Seng $100.00.

Kakitangan Harrisons & Crossfield $341.00, Awg. Omar bin Metali $100.00, Haji Mohd. Noor Khatib Abd. Razak dan Lim Kee Feck & Hj. Mohammad $100.00, Lim Swee Hai $200.00, Mohd. Ishak bin Mohd. Maidin $100.00, Banat Gul Hj. Baha $500.00, Kakitangan Peranchang Bandar $417.00, Sharikat Roti Islamic $500.00.

Dyg. Junah bte Haji Bakar $150.00, Hadanan bin Haji Latif $50.00, Abdullah bin Abd. Rahman $55.00, Johari Dato Derma Jasa Dato Hamzah $250.00, Haji Puasa Haji Simpul $100.00, Awang Ahad bin O.K. Jumat $100.00, Pendudok2 Kg. Setia A $440.00, Pendudok2 Kg. Tarab Bau $147.00, Pendudok2 Kg. Setia B $441.00, Pendudok2 Kg. Pudak $258.00, Pendudok2 Kg. Pemancha Lama $1,620.20, Persatuan Ikatan Baru P.P. Lama $1,500.00.

Low San Hardware $3,000.00, Yu Lian Development Sdn. Berhad $500.00, Taiwan Student Association of Brunei $1,000.00. Haji Abd. Karim bin Bagoo $200.00, Lim Rui & Lim Yih $1,000.00, Brusian Trading Company $300.00, Sharikat Shell Steshen Hj. Tengah $500.00, Pg. Haji Md. Said bin Pengiran Ahmad $100.00, Majlis Belia2 Negeri Brunei $1,000.00, Haji Umar bin Haji Md. Daud $200.00, Awg. Lamit bin Metassan $100.00, Pendudok2 Kg. Saba Tengah $212.00.

YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir $10,000.00, Pendudok2 Tionghua Kg. Sultan Lama $6,060.00, Hamba Allah $20,000.00, Haji Abd. Talib bin Mohd. Ali $100.00, Pendudok2 Kg. Serasa & Pekedai Muara $944.50, Pendudok2 Kg. Saba Ujong $116.00, Haji Bakar bin Arshad $100.00, Pejabat Pengangkutan Darat Brunei/K.Belait $770.00, Central Development Ltd. $1,000.00.

P.O.K. Di-Gadong Seri Diraja Awang Haji Mohd. Noor $2,000.00, Yeo Heng Kwang $50.00, Hamba Allah $700.00, Citibank Club $660.00, Pg Haji Taha bin Pengiran Ahmad $200.00, The Lion Club of Brunei $5,000.00, PGGMB Brunei $5,000.00, Pendudok2 Kampong Tamoi Ujong $200.00, Sharikat Teeyem Majeed $100.00, Mini Mart $100.0, Guru2 Sekolah Melayu & SPI Kampong Mata2 Gadong $186.00, Dk. Hjh. Zaitun PSR Pengiran Haji Jaya $50.00, Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Ratu $30.00, Perniagaan Papan Haji Mastan $200.00, Teachers & Students of St. George's School $4,600.00, Hongkong and Shanghai Bank $5,000.00, Boy's and Girls' Brigade $500.00.

Pejabat YB. Setia Usaha Kerajaan $3,006.00, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan $1,069.00, Lembaga Kemajuan Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan $300.00, Sukatan dan Timbangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan $116.00, Pejabat Penerangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan $614.00, Guru2, Kakitangan & Penuntut2 SOAS $2,000.00, Pendudok2 Kampong Sg. Siamas $120.00, Haji Ibrahim bin Ahmad $100.00, Pegawai & Kakitangan Pejabat Perjawatan $886.00, Hin Bee Trading Co. $400.00, Haji Bakar bin Othman $70.00, Hamba Allah $100.00, Hamba Allah $10.00, Hamba Allah $360.00.

Hamba Allah $5,000.00, Sharikat Perniagaan dan Perusahaan Melayu $1,000.00, Haji Md. Hashim bin Haji Tahir $100.00, Che'gu Ibrahim bin Haji Mohd. Said $100.00, Indian Association $1,501.00, Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohammad $50.00, Dr. Haji Basheer $1,111.00, Pendudok2 Kg. Sengkurong 'A' $500.00, Pengiran Haji Mohammad bin Pg. Damit & Anak2 $100.00, Pegawai2 Kakitangan Surohanjaya Perkhidmatan Awam $1,408.00, Bandaran Bahagian Ayer, BSB $220.

Pendudok2 Kg. Pintu Malim $2,620.00, Haji Abd. Rahman bin Minudin & Isteri $500.00, Chop Kian Chuang $500.00, Ang's Hotel $2,000.00, Brunei Korean Resident $1,000.00, Sharikat Bas Bersatu $1,000.00, Haji Mahamudin bin Ag. Damit $500.00, Travel Centre (B) Ltd $100.00, Lim Mah Teck $500.00, Amateur Basketball Association $1,000.00, Sekolah Rendah Dato Gudam $820.50, Jabatan Perkhidmatan Diplomatik $482.00, Jabatan Penchen $420.00, Pengewal Pelabohan $310.00, Majlis Pelajaran $160.00.

Pejabat Duli Yang Maha Mulia $3,370.00, Haji Sulaiman Hj. Matasan $100.00, Hamba Allah $100.00, Guru2 & Murid2 Sekolah Rendah Pengiran Di-Gadong Haji Md. Salleh $387.30, Ching Chuan Co. (Ang Suee Chuan) $4,000.00, Rotary Club of BSB $1,000.00, Perdana

## Daerah Brunei Muara

Wazir English School Fund $850.00, Omar bin Khalid $100.00, Pendudok2 Kampong Setia Pahlawan Lama $422.50, Ang Kim Chuan @ Ang Kui Sui $100.00, Pendudok2 Bakut Pg. S.-Raja Muda 'B' $347.00, Pendudok2 Kampong Beribi $615.00, Pendudok2 Pakistan BSB $2,000.00, Kakitangan Kolam Berenang $265.00, Pendudok2 Sa-bahagian Kechil Kampong Sultan Lama $400.00.

Pendudok2 Kg. Sumbiling Lama $1,590.00, Hoh Chuan Co. $500.00, Hamba Allah $100.00, Bangunan Ibunda Jaya $310.00, Pendudok2 Kg. Sungai Pandan 'B' $237.00, Pejabat Kenadziran $135.00, Oscar Company $100.00, Kim Ding Ltd $50.00, Wah Tang Trend Service $100.00, Pejabat Perpindahan $763.00, Airwork Limited $1,000.00, Pendudok2 Kampong Dato Ghandi $338.00, Sharikat Kampong Lurong Dalam $250.00, Haji Karim Dato Marajo $50.00, Reza — Wati Properties $1,000.00, Yusof Holding Limited $2,000.00, Haji Mustajab Shai'en $100.00, Citibank $1,000.00, Pendudok2 Kg. Lambak 'B' $680.00, Pendudok2 Kampong Sungai Belukut $1,015.00, Pusat Latehan Teknikal $930.00, Sekolah Melayu Sultan Abd. Mubin $220.00.

The Chartered Bank $5,000.00, Haji Mulok bin Dato Hj. Ibrahim $100.00, Hamba Allah $900.00, Sekolah Inggeris Berakas $2,191.85, Pasar buah2an dan sayor2an tempatan $234.00 Akitek Ibrahim dan kakitangan $405.00, Peguam Negara, BSB $805.00, Pendudok2 Kg. Bakut Pengiran Siraja Muda "A" $461.00, Pejabat Majlis2 Mashuarat $289.00, Sharikat Kayu Kayan, Brunei $1,000.00, Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar $720.00, The Association of Overseas Rep of China $3,000.00, Haji Mohd. Noor bin Othman $100.00, Pendudok2 Kampong Kulapis $176.00.

Taman Asohan Kanak-Kanak Dayang Freda $700.00, Awang Adam bin Isa $10.00, Pendudok2 Kg. Kiarong $1,028.00, Guru2 dan murid2 sekolah Ugama PAP Rashidah$383.30, Mohammad bin Musa $500.00, Hamba Allah $100.00, Sekolah Melayu Lela Menchanai $413.00, Guru2 dan murid2 sekolah Melayu dan Inggeris OKSB, Kilanas $313.00, Hamba Allah $50.00, Darusalam Restoran $600.00, Brunei Red Cross Society $1,000.00, Brunei Building Construction Association $5,000.00, Pendudok2 Kampong Saba Laut $371.00, Pendudok2 Kampong Tengah $596.00, Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi PUSAKE $100.00, Pendudok2 Kampong Sungai Kebun (asal) $619.00.

Adat Istiadat $332.00, Pejabat Lembaga Mata Wang $145.00, Guru2, Kakitangan dan murid2 Sekolah Kati Mahar $70.00, Halim Tours $50.00, Brusia Corporation $300.00 Dy. Nordimasyati binte Nordin $51.00, Pejabat Pemeliharaan Hutan $544.00, Pendudok2 Kampong Bakut Berumput $237.00, Sharikat Awang Abdullah dan Anak2 $150.00, Salon Antonia $10.00, Persatuan Kebajikan Penuntut MPUSB $172.00 Pensharah2 dan kakitangan MPUSB $315.00, Awang Lamit bin Saman $100.00, Pendudok2 Kampong Kota Batu $1,443.00, Pendudok2 Kampong Saba Darat "A" $790.00.

Jetsin Limited $500.00, Ocean Emporium & Supermarket $500.00, First Emporium & Supermarket $1,000.00, Guru2, Kakitangan dan murid2 SMMSH, Bangar $135.00, Pendudok2 Kampong Bengkurong, Sinarubai dan Burong Lepas $470.00, Pendudok2 Kampong Sungai Kedayan "B" $620.00, Pendudok2 Kampong Limbongan $148.00, Consolidated Sales Company $100.00, Lobi Electical & Engineering Company $200.00, SM& SPI Sengkurong $558.40, Guan Hock Lee $300.00, Garig 25A, JKR $245.00, Pendudok2 Kampong Sg. Pandan "A" $149.00, Kamil Hassan $501.00, Pendudok2 Kampong Lurong Dalam $162.00, SPI & SM Serasa, Muara $448.00.

Haji Ibrahim bin PPW Hj. Mohammad $1,000.00, Management & Staffs Of Leng Consulting Eng. $400.00, Chuan Guan Poon & Chain Kim Wah $500.00, Pejabat Tanah $501.00, Prime International (B) Pte Ltd $30.00, Han Heng Corporation Ltd $50.00, Booty Edwards dan Rakan2 $500.00, Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah $580.75, Guru2 dan murid2 Sekolah Melayu Anggerek Desa $807.30, Staff of Bank Of America $510.00, Pendudok2 Mukim Subok $1,296.00, Jasra Pte Ltd $1,000.00, Pendudok2 Kampong Pancha Delima $296.00, Staff of Bouested Marketing Pte. Ltd $650.00.

Borneo Bulletion $2,000.00, Gardenia Bakery $100.00, Robert Foo $50 00 Haji Sahat bin Haji Tengah $100.00, Hajjah Aisah binte Dollah $100.00, Pejabat Odit $845.00, Guru2 dan penuntut-penuntut PGGMB $1,200.00, Shim Electrical Co $490.00, Dy. Siti Hajar binte Othman $50.00, Dy. Hasnah binte Abd. Rahim $50.00, Ag. Abd. Rahim bin Ahmad $100.00, Sekolah Ugama Surau Delima Satu $180.00, Royal Brunei Yacht Club $1,000.00, Pendudok2 Kampong Perpindahan, Bunut $916.00, Pendudok2 Kampong Pelambayan $587.00, Pejabat Letrik Kuala Belait $206.00, Pejabat Buroh BSB dan Kuala Belait $865.00, J.W. Suvrie, Plessey Radar Ltd $500.00, Pendudok2 Kampong Ujong Bukit $373.00.

Guru2, pekerja dan murid2 SM Anak2 AMDB $757.40, Pengarah Mukim Haji Naim bin Jaafar $200.00, Mohd. Boon Sheng Indoor Decoration Co $500.00, Haji Abu. Bakar bin Metali $130.00, Teck-Wong Trading Co $1,000.00, Jamboree Trading Ltd $200.00, Sharikat Peralatan Sekolah2 dan Pejabat $1,000.00, Ho Kwang Yey & Sons Architect $200.00, Ace Agencies (B) Co. $100.00, Lim Seng Trading $1,000.00, Akitek Bersatu Brunei $500.00, AAC Seria $139.40, Guru-Guru & Murid2 Sekolah Ugama Raja Isteri Anak Saleha $269.00, Mukim Berakas dan Pendudok2 Kampong Jaya Setia Bakti $555.00.

Pendudok2 Kampong Kianggeh dan Berangan $2,686.00, Philippino Community $1,114.00, Setor Negara $712.00, Guru-Guru dan Murid Sek. Ugama Surau Pancha Delima $182.55, Sekolah Rendah Kg. Pulaie $238.25, Guru2, kakitangan dan penuntut2 Sekolah Saiful Rizal $615.85, AUA Insurance Ltd $500.00, Badan Kebajikan, Jabatan Pengangkutan Darat $200.00, Pendudok2 Kampong Sungai Matan $280.00, Guru2 dan murid2 Sekolah Ugama Delima I $309.00, Bekas penuntut2 Darjah Enam Sek. Ugama Raja Isteri Anak Saleha $33.00, P.P.N. Pengiran Haji Ahmad $100.00, Pendudok2 Kampong Ujong Tanjong $628.00, Mak Kum Wah Structural & Workers $380.00, Miri Daily News $2,000.00.

Pendudok2 Kampong Ujong Kelinik $210.00, Singapore Airlines Ltd. $500.00, Fashion Furniture Manufacturing & Trading $400.00, Court Furniture Company $400.00, H.C. Lau & Sons $100.00, Eastern Whipstocks, Inc $100.00, Limbang Trading Co $160.00, Pendudok2 Kg. Peramu $1,059.00, Sharikat Jasa Perwira $1,000.00, Badan Kebajikan, Sosial dan Ugama Jabatan Pelajaran $2,000.00, Buroh2 Iban BSB $97.00, Sekolah Melayu dan Ugama kampong Pintu Mal $297.15, Alister MacD nald & Rakan $1,000.0 David Y Seheult $150.0 Design Group Partnersh $100.00.

United National F nance Ltd $200.00, M Lee Teck Lai $100.00, P jabat Pos, BSB $976.0 Pendudok2 Kampon Pengkalan Batu $124.0 Sekolah Tinggi Perem puan Raja Isteri (STPR $2,290.25. Pendudok Kampong Delima Sa $934.00, Civil Aviatio $1,000.00, Mitsubishi Co poration $800.00, Dai Kogya Co $700.00, Tot shima Co $700.00, M farm Limited $700.0 N.E.C. $700.00, Sh rikat Perusahaan Montr $700.00, National Pap Co $700.00, Singapo Associate Architec $2,000.00, Chop Yick Fa $50.00.

Yong Brothers A Cond & Electrical C $300.00, Hai-Ou Compa (B) Ltd $200.00, Kim Si Industries $200.00, Rin git Anak Rantai & Kaw $62.00, Pendudok2 Kam pong Saba Darat "A (tambahan) $15.00, Ha Md. Yassin bin Metass & Anak2 $127.00, Pend dok2 Kampong Ka $383.00, Mess Pegaw Waran & Sarjan $1,040.0 Sekolah Melayu Kiula Brunei II $345.00.

Radio Talivishen Br nei $4,000.00, Charter Bank Brunei $4,000.0 Ex-Servicer Assoc. of Br nei $1,000.00, Swee Pr vate Limited $1,000.0 M/S Lai Central Agenc $100.00, Langdon, Eve & Seah $200.00, Ching Hiew Electric $250.0 Pendudok2 Kampong S Hanching dan Salambig $1,020.00, Pendudok Kg. Madewa $2,020.0 Pendudok2 Kampong L mapas "A" $520.00, Pe dudok2 Kampong Mas Lama Muara $300.0 Pendudok2 Kampong P tat $272.00, Mess Pegaw Waran dan Sarj $500.00, Pendudok2 Kam pong Sumbiling Ba $550.00, The Scienc Society of Berakas Eng lish School $90.00, Shar kat Kedai Kerjasama K Pulau Baru2 $300.00 JKBS Kuala Belait & Pen chen Kuala Belait $190.00 Hamba Allah $100.00 Guru2 S.M. Raja Ister Fatimah $121.60, Sekola Rendah Pehin Dato Jam $400.00.

Pusat Perdagangan Ti mor Jauh Bhd $6,000.00 Ahli2 Pulis Kursus Ulang kaji, Rekrut2 dan peker ja2 awam, di-Pusat Lateh an Pulis $845.00, Dat Ong Kim Kee $1,500.00 Penduuok2 Kampong Sa ba Darat "B" $395.00 Pendulok2 Kampong Se dang $270.50, Pendudok Kampong Sungai Keb

Lihat muka 14

RUANG 2

# PATOH KPD PERATORAN2 LALU-LINTAS UNTOK KESELAMATAN BERSAMA

. . . saya sukachita menarek perhatian semua pehak tentang peri mustahaknya menyedari bahawa anggong-jawab terhadap keselamatan satu sama lain di-jalanraya itu sama ada yang melibatkan harta benda mahu pun nyawa sangat-lah di-tuntut oleh ajaran ugama; kerana Allah s.w.t. memerentahkan semua hamba-Nya untok berlaku adil dalam tiga perkara :

Pertama — Adil dalam perkara diri-nya dengan Tuhan-nya.
Kedua—Adil dalam perkara diri-nya dengan jiwa atau nyawa-nya.
Ketiga—Adil dalam perkara diri-nya dengan diri orang lain.'

Demikian antara lain perutusan Setia Usaha erajaan, Yang Berhormat ehin Orang Kaya Laila ijaya Dato Seri Setia wang Haji Abdul Aziz mpena Minggu Keselaatan Jalanraya Negeri runei tahun 1981.

Nahas jalanraya kenyakan-nya di-sumbern oleh manusia itu senri, kalau pun di-sebabn oleh kerosakan mekakal mungkin bilangana ada-lah amat kechil. ebenaran kenyataan ini dak sa-siapa pun yang dapat mempertikaikannya. Kerana, menurut penyiasatan tertentu pehak pulis bahawa trajedi2 kemalangan ada-lah berpuncha daripada pengguna2 jalanraya itu sendiri atau pemandu2 yang memandu dengan chuai, terlalu laju, tidak bertimbang rasa dan tidak mematohi isharat2 dan peratoran2 lalu-lintas.

Kemalangan ngeri yang meragut nyawa diantara-nya juga berpuncha daripada pemandu yang beraksi 'hero' kerana hendak menunjokkan 'kejagohan-nya'. Ada juga pemandu yang pantang di-potong oleh kenderaan lain lantas mudah naik darah maka terjadi-lah kejadian kejar mengejar antara satu sama lain saolah2 merupakan satu perlumbaan 'Grand Prix' untok memenangi perisai maut. Keadaan berbahaya begini, kalau pemandu itu tidak akan terbunoh oleh perbuatan-nya sendiri mungkin akan menjadi pembunoh kapada orang lain.

Tetapi sedar-kah kita, bahawa jalanraya itu adalah 'hak publik' bukan hak perseorangan! Ini-lah yang patut kita pertimbangkan dengan saksama supaya kepentingan awam tidak akan terancham disebabkan perbuatan kita itu.

**Oleh: Jahri Abd. Latif**

MENGINSAFI

Sa-suatu kemalangan itu biasa-nya mengakibatkan kerugian. Apatah lagi kemalangan jalanraya, nasib baik hanya kerosakan harta benda (kenderaan) tetapi kalau kehilangan jiwa 'tiada akan di-chari ganti' dan yang lebeh dahsat jika mangsa jalanraya itu chachat sa-bahagian daripada anggota badan umpama-nya chedera dibahagian kepala-nya mengakibatkan ia tidak siuman lagi hingga ka-akhir hayat-nya.

Kerana itu, kita sabagai manusia yang dikorniakan oleh Tuhan dengan akal fikiran akan dapat mempertimbangkan dengan saksama dan menginsafi betapa rugi-nya apabila sa-suatu yang dimileki apatah lagi yang menjadi kesayangan kita (saperti harta benda, keluarga atau diri kita sendiri) telah menjadi rosak binasa dan lebeh malang lagi jika kerosakan itu berpuncha dari perbuatan orang lain atau pun atas kechuaian diri kita sendiri.

Namun demikian pehak2 berkenaan terutama pehak pulis dalam usaha menjaga keselamatan awam termasok keselamatan jalanraya, mereka tidak kendur2 pada menjalankan tugas2 mereka menurut undang2 supaya keselamatan awam itu akan terpelihara dan terjamin. Dalam hal ini, telah pun di-tegaskan sendiri oleh Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya dalam satu pertemuan dengan pehak Pelita Brunei pada awal tahun ini, di-mana beliau telah berkata: "Dipehak kami, kami akan lebeh menggiatkan lagi perlaksanaan undang2 dengan mengarahkan lebeh banyak pulis2 trafik kawasan2 yang mempunyai sekatan2 had laju dengan mengadakan pemereksaan lesen2 memandu dan kerosakan2 mekanikal."

KEMALANGAN BERKURANGAN

Dalam pada itu, berbagai2 usaha dan tindakan telah di-jalankan untok megurangkan kejadian2 kemalangan jalanraya yang mengakibatkan maut tetapi sa-jauh ini usaha2 itu belum lagi memberi kesan yang memuaskan. Walau bagaimana pun, tidak pula di-nafikan sejak Majlis Keselamatan Jalanraya Negeri Brunei di-tubohkan pada tahun 1978 bahawa angka2 kemalangan telah menurun jika di-bandingkan dengan tahun2 kebelakangan.

Sayugia di-ingatkan bahawa kes kemalangan yang mengakibatkan maut yang tinggi sekali pernah di-chatetkan dinegeri ini ia-lah sa-ramai 50 orang pada tahun 1977 berbanding sa-telah Majlis Keselamatan Jalanraya Negeri Brunei di-tubohkan menjadikan kadar kemalangan maut pada tahun 1978 hanya 33 orang, tahun 1979 menurun kapada 31 orang sementara pada tahun lalu graf-nya meninggi sedikit ia-itu 38 orang.

Menurut Setiausaha Majlis Keselamatan Jalanraya Negeri Brunei, Awang Ahmad bin Haji Ibrahim dalam uchapan alu2an-nya di-satu pameran poster2 keselamatan jalanraya yang di-adakan di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka sabulan yang lalu, beliau menjelaskan, "bahawa kadar kemalangan tahun lepas ada-lah berkurangan jika di-kaji kapada pertambahan kenderaan yang di-import masok ka-negeri ini." Kenyataan ini telah menunjokkan bahawa bukan-lah di-sebabkan bertambah-nya kenderaan2 puncha bertambah-nya kemalangan2.

Sementara itu, kata Awg. Ahmad lagi, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mempertuntokkan wang sa-jumlah $50,000 sa-tahun bagi mengendalikan urusan2 Majlis Keselamatan Jalanraya Negeri Brunei. Umpamanya pada pameran Poster2 Keselamatan Jalanraya yang di-adakan pada bulan Februari yang lalu, hampir $15,000 telah di-belanjakan termasok untok menchetak 30 ribu sticker2 yang di-buat dalam tiga jenis, di-mana sabahagian-nya telah pun di-edarkan kapada orang ramai, sa-bagai salah satu kempen Majlis ini.

STICKER KESELAMATAN

Sticker2 yang di-chetak itu ada-lah mengandongi ungkapan kata2 yang mempunyai massej2 tertentu yang sa-kali imbas kalau di-bacha ungkapan kata2 itu sa-chara spontan boleh menginsafkan pemandu2 saperti 'pandu-lah dengan chermat', 'ikuti-lah dalam jarak yang selamat' dan 'bertimbang rasa apabila memandu'.

Pehak Majlis Keselamatan Jalanraya membuat dan mengedarkan sa-chara perchuma sticker2 itu kapada orang ramai ia-lah untok kegunaan pemandu bagi perhatian-nya sendiri. Sticker2 itu hendak-lah ditampalkan di-hadapan chermin kereta bersama road tax di-sudut kiri bawah, bagaimana pun ianya di-hadkan satu sticker sahaja bagi sa-buah kenderaan. Tetapi sticker2 itu bukan untok di-tampalkan sa-barangan di-sana sini sa-berapa yang banyak untok perhiasan, sa-baleknya jika hal ini berlaku, tetapi memang berlaku, ianya bukan pula untok panduan keselamatan tetapi boleh membahayakan kerana mengganggu pemandangan pemadu itu sendiri.

Biar pun Majlis ini telah membelanjakan wang yang begitu banyak bagi menganjorkan berbagai2

Lihat muka 9

Salah sa-buah jalan paling sulit dan sebok di-Bandar Seri Begawan.

SIMPANG JALAN SEKOLAH/JALAN TASEK LAMA




a) Gunakan lorong A untuk belok kiri ka-Jalan Dato Marsal, atau untuk terus ka-Jalan Kebangsaan.

b) Gunakan lorong B untuk terus ka-Bengkel JKR, atau untuk ka-Jalan Tasek Lama (juga untuk belok kiri ka-Jalan Tasek).

c) Gunakan Lorong C jika hendak belok kanan ka-Jalan Tepi atau terus ka-Jalan Tasek Lama.

d) JANGAN tukar lorong apabila sampai di-kedudukan (3), saperti dari lorong B ka C untuk lekas ka-Jalan Tasek Lama: ikut-lah jalan yang panjang sadikit tetapi SELAMAT dari lorong B ka-lorong D. Dari itu patut-lah di-ingat tujuan lebeh awal lagi.

e) Pemandu dari Jalan Kebangsaan hendak-lah mengikut lorong E.

f) Pada kedudukan (4), pemandu2 di-lorong E yang hendak masok ka-lorong D atau yang di-lorong D hendak masok ka-lorong E mesti-lah memberi isharat dahulu sabelum masok lorong yang di-kehendaki. Pemandu2 di-lorong E perlu-lah memberi jalan kapada yang di-lorong D.



LIHAT gambar ini, betapa penuntut2 ini tidak sayangkan nyawa-nya. Menyeberang di-tempat yang tidak selamat (gambar atas).

BEGINI-LAH yang betul! Penuntut2 ini tahu peratoran2 jalanraya, mereka menyeberang dan berjalan di-atas jejatas yang di-sediakan. Kalau-lah orang ramai terutama penuntut2 sentiasa menggunakan jejatas ini, Insha Allah kesebokan jalanraya sekurang2-nya akan dapat di-atasi (gambar bawah).





JABATAN Pelajaran dan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad juga turut memainkan peranan-nya dalam usaha memberi pengetahuan jalanraya kapada murid2 sekolah dengan menganjorkan peraduan 'Permainan Lalu-Lintas'. (Gambar atas).



INI-LAH risiko memandu terlalu laju, chuai dan tidak mematohi peratoran2 lalu-lintas saperti kejadian kemalangan yang berlaku awal tahun ini di-Jalan Kebangsaan Simpang Jalan Berakas. Kemalangan ini telah melibatkan tiga buah kereta dan salah sa-buah daripada-nya telah putus dua, walau pun tidak ada kehilangan jiwa tetapi kerugian di-anggarkan beribu2 ringgit.

**JIKA ada kebolehan untok berpuisi, berpuisi-lah. Jika ada kebolehan untok melukis, melukis-lah dan jika ada kebolehan menyanyi, bernyanyi-lah. Puisikan-lah, lukiskan-lah dan nyanyikan-lah segala apa yang kamu fikirkan boleh membangun masharakat dan negara. Sesunggoh-nya tidak ada rugi-nya jika kita berpuisi, melukis dan bernyanyi untok kepentingan masharakat dan bumi yang kita punyai.**



# PELUKIS YANG BERJASA TAPI KURANG DI-KENALI

Oleh: Shadoon Lamzi

*'...Soal2 penghargaan mesti di-simpan jauh2, soal2 publisiti kebumikan sahaja di-Lautan China Selatan...'*

Soal2 penghargaan mesti di-simpan jauh2, soal2 publisiti kebumikan sahaja di-dasar Lautan China Selatan dan soal2 pernilaian serahkan sahaja pada masharakat — mulut mereka lebeh terbuka luas daripada tempayan dan tidak mungkin ia-nya boleh di-tutup. Jika baik puisi, lukisan dan nyanyian yang kita sumbangkan kapada mereka itu maka "baik"-lah kata mereka dan jika tidak baik, maka "tidak baik"-lah kata mereka. Pokok-nya kita sudah memberikan sumbangan. Sa-tiap sumbangan ikhlas yang kita berikan selalu-nya baik2.

Ini pandangan Mohammad Yaman Besar. Mungkin tidak ramai orang yang mengenali-nya dan tujuan Pelita menghasilkan personaliti beliau minggu ini bukan-lah untok menchanang-chanangkan siapa dia yang sabenar-nya, atau menchanang-chanangkan segala jasa bakti beliau terhadap masharakat atau pun negara. Biar-lah ruangan ini di-sifatkan sa-bagai bahan renongan atau pun rujokan dan kalau boleh pengajaran buat anak2 kita yang pasti akan melangkah di-landasan hari2 depan-nya.

Lahir kira2 45 tahun yang lalu di-Muara, Awg. Mohammad Yaman tidak mendapat didekan pelajaran yang tinggi selain daripada sekolah Melayu. Di-dalam Tahun 1941 hingga ke-42, beliau menuntut di-Sekolah Melayu Muara dan pengajian beliau terpaksa di-hentikan buat sementara kerana kemasokan Jepun di-Brunei.

Persekolahan beliau disambong di-Istana Sugara (sekolah sementara) di-dalam tahun 1946 dan kemudian-nya berpindah ke-Sekolah Melayu Pekan Brunei dan Sekolah Melayu Muhammad Jamadul Alam di-mana beliau berhenti sa-telah menamatkan darjah lima.

Beberapa ketika selepas meninggalkan bangku sekolah beliau di-terima bekerja sebagai sa-orang "tracer" atau pun tukang lukis di-Jabatan Kerja Raya.

Kebolehan beliau di-dalam seni lukis memang sudah sedia ada ketika beliau maseh lagi berada di-bangku sekolah dan jawatan yang beliau pegang sedikit sa-banyak telah memberikan peluang kapada-nya untok lebeh bergiat lagi di-dalam dunia-nya.

"Saya bukan-lah sa-orang pelukis yang handal atau pun mahir dan saya fikir kita maseh lagi mempunyai banyak pelukis2 lain yang lebeh kreatif dan produktif yang patut di-ketengahkan untok di-wawanchara," jelas beliau ketika kami hubongi baru2 ini.

Pengakuan beliau sa-bagai sa-orang pelukis yang tidak mahir menguatkan lagi kemahuan kami untok menggali lebeh dalam lagi segala bentok karya atau pun kreasi yang telah beliau hasilkan. Yang nyata-nya kami telah berhasil untok mendapatkan segala-gala kenyataan yang kami perlukan sa-telah beliau, di-dalam beberapa ketika, menjawab pertanyaan2 yang kami ajukan.

Salah satu karya yang sa-hingga masakini terus terukir di-dalam dairi kenangan beliau ia-lah penambahan kimhap (tungkat ajai) atau pun penambahan kedua belah tangan terhadap bentok panji2 negara kita yang ada pada masa ini. Pada ketika itu di-dalam tahun 1959 beliau telah di-minta untok mengubah tongkat ajai bagi melengkapkan lagi bentok panji2 saperti yang dapat kita lihat hari ini.

Menurut Sejarah Rengkas Panji2 Brunei — sabuah buku yang di-renchanakan oleh Saudara Abdul Latif Haji Ibrahim dari Muzium Brunei, panji2 — sa-bagai salah satu perhiasan kebesaran Diraja Brunei yang di-simpan di-luar istana di-cheritakan telah ada di-negeri ini sejak pemerintahan Sultan Ali, Sultan Brunei yang ketiga.

Beberapa perubahan telah berlaku terhadap panji2 ini dan perubahan besar, menurut renchana itu lagi, tampak dalam pemerentahan Sultan Sir Ahmad Tajuddin, (1924-1950).

Bentok panji2 negara kita yang ada pada masa ini dengan tambahan kimhap itu termaktub sesudah penggubalan Perlembagaan Negeri Brunei 1959.

Bendera dan Payong Ubor2 di-ertikan sebagai lambang kebesaran Diraja Negeri Brunei dari mula2 lagi panji2 itu di-kenali. Sayap yang mempunyai empat kerat bulu di-ertikan sebagai melindongi keadilan, kesejahteraan, kemakmoran dan keamanan. Tiang Panji2 di-maksudkan sebagai pendirian Kerajaan yang tegoh lurus. Kimhap atau pun tangan yang di-tambah di-ertikan sebagai mendoakan segala chita2 Kerajaan kapada kebajikan, ketenteraman dan kemakmoran negeri ini serta Bulan pula sa-bagai la[...] bang ke-Islaman [...] mana Ugama Islam m[...] jadi ugama rasmi [...] Brunei.

(Untok mengetahui [...]beh lanjut lagi menge[...] dengan panji2 ini sila [...]jok buku Sejarah Rengk[...] Panji2 Negeri Brunei y[...] boleh di-beli darip[...] Muzium Brunei harga s[...] ringgit sa-naskah).

Di-antara karya2 Aw[...] Mohammad Yaman ya[...] lain termasok-lah me[...] buat dan membetulk[...] lambang Askar Mel[...] Diraja Brunei pada [...]hun 1961, mereka ga[...] bagi perkahwinan K[...] bawah Duli Yang Ma[...] Mulia Paduka Seri Bag[...]da Raja Isteri yang s[...] di-perbuat pada 7hb Ap[...] 1965, mereka kudut k[...]nang-kenangan Istia[...] Perpuspaan Kebawa[...] Duli Yang Maha Mu[...] Paduka Seri Bagi[...] Sultan dan Yang Di-P[...]tuan yang berlangsong p[...]da 1hb Ogos 1968 ser[...] membuat banyak lagi la[...] bagi badan2 kebajik[...] serta badan2 pernaga[...] yang lain.

Awang Mohamm[...] Yaman yang mendiri[...] rumah-tangga dengan D[...] yang Masni Haji Jair, d[...] dalam tahun 1953 k[...] mempunyai enam or[...] anak.

Tinggal di-Kamp[...] Tamoi Hujong Kamp[...] Ayer. Awang Moham[...] Yaman kini maseh [...] bekerja di-Jabatan K[...]

Lihat muka 9

RUANG 4







DUA di-antara kreasi Aw[...] Mohammad Yaman dan ga[...]bar atas menunjokkan keadaan panji2 negara kita sa-bel[...] dan sa-sudah ia-nya di-ubah



SALAH satu gambar yang maseh tersimpan di-album kenang2an beliau — karya beliau ini mendapat tempat pertama di-dalam satu pertandingan yang di-adakan di-zaman muda beliau. Gambar kanan atas menunjokkan gambar salinan asal panji2 AMDB rekaan-nya, gambar yang berikut-nya pula ia-lah panji2 yang di-jadikan sa-bagai lambang Muzium Brunei. Bentok panji2 ini terdapat pada duit 'Pitis' 1865.





# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Tal'vishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 8HB APR.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 MEDITERRANEAN VENTURE
5.30 JOSIE AND THE PUSSY CATS *IN OUTER SPACE*
6.00 *RENGKASAN BERITA*
6.05 LITTLE LORD FAUNTLEROY (Siri terakhir)
6.30 BENGKEL KANAK2
6.32 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.40 BENGKEL KANAK2 — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DALLAS — "End of the Road" bahagian 2 Lucy Ewing menjadi Mrs Mitchell Cooper!
7.44 AZAN ISHA
7.48 DALLAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
9.00 TOP RANK FIGHTS OF THE 70'S
9.50 1981 GRAMMY AWARDS
11.20 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 9HB APR.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 TOM AND JERRY
6.30 THE TOMORROW PEOPLE — "A Rift In Time" — bahagian 3
6.32 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.40 THE TOMORROW PEOPLE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE CONDOMINIUM — Bahagian 3
7.44 AZAN ISHA
7.48 THE CONDOMINIUM — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 THREE'S COMPANY
10.00 THE OMEGA FACTOR — "Visitations" Tom menjadi umpan dalam satu penyiasatan di-sebuah rumah.
10.50 GREAT WESTERN THEATRE
12.05 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 10HB APR.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 CHILDREN'S SERIAL PACKAGE — "Chiffy Kids" — Bhg 4.
5.30 SCOOBY DOO AND SCRAPPY DOO
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 BISEKAN SEDAMAN
6.30 BARRIERS
6.32 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.40 BARRIERS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 POP IN GERMANY
7.44 AZAN ISHA
7.48 POP IN GERMANY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 SENANDONG SUKMA
9.00 SOAP — Ep 16. Sa-telah menerima perkhabaran yang mengejutkan, Corrine di-bebaskan dan Jessica pula yang di-penjarakan.
9.30 BIG LEAGUE SOCCER
10.20 QUINCY
11.10 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 11HB APR.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
4.55 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 THE MERRIE MELODIES
6.30 BEWITCHED — "Mixed Doubles" Di-sebabkan oleh kesilapan ilmu sihir Samantha, kekeliruan telah timbul di-antara keluarga-nya dengan keluarga Tate.
6.32 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.40 BEWITCHED — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 APHRODITE'S INHERITANCE — Menyambong kesah thriller pembunohan ka-atas Barry Collier.
7.44 AZAN ISHA
7.48 APHRODITE'S INHERITANCE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 MARI MEMASAK
9.20 TAYANGAN FILEM INDONESIA
11.10 LIFELINE — "Dr. Haller"
12.00 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 12HB APR.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 HOW SXIV — Episod terakhir
5.30 THE ADVENTURES OF SUPERMAN — "The Seven Souveneirs"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CHILDREN'S FEATURE — "The Sea Children" Beberapa penyelam yang berchutian di-Malta menemui perkara ajaib dalam laut.
6.32 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.40 CHILDREN'S FEATURES — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 INCREDIBLE HULK — "Promethens" — Pt 2.
7.44 AZAN ISHA
7.48 INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 THE BOSOM BUDDIES — Bgh 7 "Beauty and the Beasts"
9.00 MUTIKA — "Preview Akhir"
9.45 REBECCA — No. 3
10.35 ARMCHAIR THRILLER — "The Girl Who Walked Quickly" Bagaimana-kah akhir-nya "ordeal" David Cooper dari episod terakhir cherita ini ?
11.10 SIARAN TAMAT

## ISNIN — 13HB APR.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.14 SUPER 7
5.35 AUDUBON WILDLIFE THEATRE — "Wapiti"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 TARZAN
6.32 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.40 TARZAN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS — "Hawaiian Angels" Bhg 2
7.44 AZAN ISHA
7.48 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 THE ROAD TO WEMBLEY : Everton lawan Manchester United.
9.40 WHICKER'S WORLD : "Vienna"
10.30 240 ROBERT (Siri baru)
11.15 SIARAN TAMAT.




**WATAK2 penting siri ini Jaclyn Smith, Cheryl Ladd dan Tanya Roberts.**

## SELASA — 14HB APR.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE NEW ADVENTURES OF BATMAN
5.30 THE SHARI SHOW — "Lafferty"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 BLAKE'S SEVEN — Siri kedua, Penerbangan Blake dengan kawan2-nya di-angkasa lepas dapat di-saksikan dikacha TV awda!"
6.32 AZAN MAGHRIB/SELINGAN
6.40 BLAKE'S SEVEN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HILL STREET BLUES — "Dressed To Kill"
7.44 AZAN ISHA
7.48 HILL STREET BLUES — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.00 TAYANGAN GAMBAR : "The Clone Master" Satu kesah drama yang menjadikan "Science fiction" satu kenyataan. Pelakun2 : Ralph Bellamy, Art Hindle, Robyn Douglass.
11.00 DICKENS OF LONDON
11.50 SIARAN TAMAT.




THE English Service Radio is introducing another new programme of light-hearted discussion among three ladies which will be on the air every Friday from 12.00 noon to 12.30 pm beginning this Friday. "Radio and Television programmes" will be the topic of discussions this week, Friday 4th April at 12.00 noon. Panels are Dk Zubaidah Pg Kamaluddin (right), Chin Swee Lan (left) and Dayang Hayati Pehin Salleh, the chair lady (centre).

## *BINTANG KECHIL*

### *Suku Akhir Tutong*

SA-BANYAK 12 orang kanak2 telah berjaya untok memasoki ka-pereng-kat suku akhir Bintang Kechil Radio 1981 bagi Daerah Tutong. Pertandingan suku akhir akan di-adakan pada 24hb April 1981, di-Dewan Kemasharakatan Tu-tong, mulai jam 2.00 petang.

Di-bawah ini ia-lah peserta2 yang terpileh untok memasoki ka-perengkat suku akhir Daerah Tutong.

1. Erwan Md Said
2. Salenawati Haji Md Saji
3. Ilham Abdul Manan
4. Mastika Nasir
5. Ispawi Idris
6. Norahawati Mohd Ya'akub
7. Normawati Moktar
8. Hasrinah Jamal
9. Aini Jaafar
10. Rosmah Abdul Rashid
11. Kamarul Ariffin Abdul Rahman
12. Fauziah Mohammad Said.



TUNAS PENDIDEK—Penerbit ranchangan Salmah Abdul Rahman kelihatan bersama-sama dengan ahli2 dari Maktab Perguruan Gadong yang menjayakan ranchangan tersebut yang mana banyak menitek-beratkan mengenai karier sa-bagai sa-orang guru. Awda yang meminati ranchangan ini akan dapat mengikuti siaran-nya pada tiap2 hari Isnin jam 7.30 malam.

## MA

### "Kue

PADA mi
Mari M
minggu i
dengan s
narek ya
hidangan
khatan a
lain2. Re
maksudka
Talam B
puan2 ya
kami serta
membuat-

**KUEH T BERUDA**

**Bahan2-n**

6oz. Te
2 pain
garam s
1 kati
2 bata
1 kati
1 ikat
6 biji b
di-hi
minya
goren

**Chara mem**

1. Udang
di-gaul
garam
paroh
kechil2



LUCY menjadi isteri Mitchell Cooper (Leigh McCloskey) dalam siri kesukaan ramai DALLAS episod "End Of The Road" bahagian kedua yang akan di-siarkan pada malam ini.



DUNIA WANITA — Gambar menunjokkan penerbit-nya Salmah Abdul R
duan bagi wanita dan kali ini menyambong cheramah-nya mengenai k
mengikuti ranchangan ini pada tiap2 hari Ahad jam 9.30 pagi dan ula

Dari muka 5

kempen, tetapi ada-lah di-sedari usaha yang telah dan akan di-laksanakan itu bukan-lah suatu ran-changan atau pekerjaan yang sia2 atau tidak men-datangkan faedah, sa-balek-nya, menurut pen-dapat Awang Ahmad, "Jika Majlis ini dapat me-nyelamatkan satu atau dua nyawa maka ia ada-lah suatu kejayaan yang paling tinggi nilai-nya di-bandingkan dengan wang ringgit."

Menyentoh tentang Pa-meran Keselamatan Jalan-raya sempena Minggu Ke-selamatan Jalanraya tahun 1981 yang berthemakan: "Patoh Kapada Perator-an2 Lalu-Lintas Jalanraya Untok Keselamatan Ber-sama", ia-nya mempunyai objektif2 tertentu sa-bagai langkah positif Majlis ini dalam menyalorkan pe-getahuan dan disiplin ja-lanraya kapada orang ra-mai khusus-nya murid2 sekolah, ia-itu jenerasi yang maseh muda di-mana kebanyakan kehi-dupan mereka mobile dari satu tempat ka-satu tem-pat. Maka amat perlu me-reka ini, yang majoriti-nya pejalan2 kaki me-ngetahui peratoran2 ber-jalan di-tepi jalan (crub drill) dan menggunakan kemudahan2 yang di-sediakan saperti jejatas dan tempat2 menyeberang yang di-kawal oleh pulis2 trafik.

Sementara itu, peman-du2 pula mesti-lah juga insaf apabila memandu di-atas jalanraya publik, ke-rana tidak sa-mesti-nya lulus ujian memandu dari Jabatan Pengangkutan Darat itu akan menjadikan sa-orang pemandu yang baik sekali pun ia telah mempunyai pengalaman memandu berpuloh2 ta-hun atau mempunyai lesen memandu antara-bangsa, kerana malang itu tidak berbau dan kena-lah kita waspada dan hati2, walau pun kita ini manusia yang tidak lari dari kelalaian dan kesilapan tetapi ke-malangan pasti dapat di-elakkan dari berlaku sa-andai-nya sa-tiap anggota masharakat sentiasa me-ngamalkan sifat bertata-tertib dan berperatoran. Kerana tahu menghormati hak orang lain, bersifat tolak-ansor, bertimbang-rasa, sabar dan bertang-gong-jawab merupakan simbol peribadi mashara-kat yang patoh dan taat kapada undang2 walau pun terhadap undang2 lalu-lintas tetapi ia tetap merupakan undang2 yang di-gubal oleh kerajaan yang bertujuan sa-mata2 kerana kepentingan dan keselamatan orang ramai.

# AMDB sertai latehan dingin di-Hongkong

BERAKAS.— Sa-ramai 60 orang anggota dari Skua-dron Jurutera Pengempor Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, yang di-ketuai oleh Kaptan Afflon bin Dato Hamidon, bulan Februari lalu, telah meng-ambil bahagian dalam La-tehan Dingin Satu yang di-adakan sa-lama dua minggu di-Hongkong.

Semasa dalam latehan yang bermula pada 10hb Februari hingga 24hb Feb-ruari itu, mereka telah mengikuti berbagai2 late-han yang antara-nya ter-masok-lah membena ru-mah dan menyusun jam-batan, bersama2 dengan anggota Skuadron Jurutera Pasokan Gurkha Baginda Queen, yang di-tempatkan di-Hongkong.

Sa-lain dari itu, anggota yang mengambil bahagian juga menerima penerang-an dan arahan dari juru-lateh2 dari Skuadron Ju-rutera Pasokan Gurkha Baginda Queen.

Berkesempatan membuat lawatan ka-Hongkong ba-gi menyaksikan latehan2 yang di-ikuti oleh anggota Skuadron Jurutera Peng-empor yang menyertai latehan tersebut, ia-lah Timbalan Pemerentah Pa-sokan Askar Melayu Di-raja Brunei, Yang Ber-hormat Pehin Orang Ka-ya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad.



**BERKESEMPATAN** membuat latehan Dingin Satu ia-lah YB Kol. Pehin Dato Mohammad, yang mana beliau kelihatan ber-tanya mengenai latehan2 yang di-ikuti daripada salah sa-orang ahli Skuadron Jurutera Pengempor.



**KELIHATAN** empat orang ahli Skuadron Jurutera Pengempor sedang mengangkat salah satu bahagian Jambatan Medium Girder Bridge (MGB) semasa membuat Latehan Dingin Satu di-Hongkong. Kelihatan juga salah sa-orang Jurulateh dari Skuadron Jurutera Pasokan Gurkha Baginda Queen sedang memberi arahan.

# Penuntut Muhammad Alam lawat chawangan laut AMDB

BOLKIAH KEM. — Sa-ramai 33 orang penuntut dari Tingkatan Dua dan Tiga, termasok tiga orang guru dari Sekolah Mene-ngah Melayu Muhammad Alam Seria, telah mem-buat lawatan pertama kali-nya ka-beberapa Chawa-ngan Pasokan Askar Me-layu Diraja Brunei dan ka-Chawangan Angkatan Laut yang berpusat di-Muara, pada 24hb, Mach lalu.

Lawatan yang di-ketuai oleh tiga orang guru itu ada-lah merupakan satu aktiviti dari badan Kerja-ya sekolah tersebut yang bertujuan untok memper-kenalkan lebeh dekat lagi tentang kegiatan2 serta un-tok menarek minat pe-nuntut2 di-bidang kerjaya tentera. Di-antara-nya pe-nuntut2 ini ia-lah ahli2 Kadet Pasokan Askar Me-layu Diraja Brunei.

Sa-belum memulakan la-watan itu, rombongan ter-sebut telah di-bawa ka-Dewan Pusat Latehan bagi mengikuti taklimat dari Lt. Ya'akub bin Bolhassan mengenai kegiatan2, tang-gong-jawab dan perkem-bangan keselurohan paso-kan tersebut.

Rombongan itu telah di-bawa melawat ka-Mu-zium Pasokan dan berpe-luang menyaksikan satu pertunjokkan dari Batta-lion Pertama Askar Me-layu Diraja Brunei. Pene-rangan2 telah di-berikan oleh anggota yang ber-tugas mengenai pengguna-an senjata, peluru, radio dan meriam katak.

Rombongan itu telah di-temani oleh dua orang pegawai Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Lt. Ya'akub dan WO2 Abd Rajab dan telah membuat lawatan lanjut ka-Pusat Bengkel Pasokan.

Di-sebelah petang-nya, rombongan itu telah di-bawa menaiki pesawat he-likopter ka-Bolkiah Sela-tan bagi meneruskan la-watan ka-Angkatan Laut yang berpusat di-Muara.

Sejurus kemudian, rom-bongan itu menerima pe-nerangan mengenai per-kembangan Angkatan La-ut oleh Kaptan Ismail dan seterus-nya rombongan itu di-bawa melawat-lawat di-sekitar-nya, termasok-lah

Lihat muka 14

RUANG 1



ATAS kelihatan sa-bahagian daripada pandu puteri amat riang bila di-beri kesempatan menaiki salah sa-buah kereta perisai kepunyaan Askar Melayu Diraja Brunei, sementara (bawah) tiga orang anak Serigala sedang ashek menchuba mengguna-kan peralatan yang di-lengkapkan di-salah sa-buah kereta perisai Scorpion.



Dari muka 6

Raya di-Bandar Seri Be-gawan dengan memegang jawatan yang sama. Beliau di-dalam perkhidmatan-nya pernah di-hantar oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untok mengikuti kursus bersang-kutan dengan melukis pe-lan bahagian jalanraya di-Singapura akhir tahun lalu.

Untok memperbaiki diri kita sa-bagai sa-orang pelukis yang baik kena-lah kita memperbanyak-kan latehan, belajar dari orang2 yang lebeh berpe-ngalaman dan sedia mene-rima tegoran demi utok memperkuatkan lagi bakat seni yang sedia ada pada diri kita. "Sememang-nya-lah kita akan menghadapi banyak kesulitan dan cha-baran dan semua-nya ini akan dapat kita atasi de-ngan ketekunan dan keta-bahan hati," tambah Awg. Mohammad Yaman lagi.

Beliau pada masa ini kurang menghasilkan kar-ya2 kreatif tetapi segala karya beliau boleh kita kesan kembali di-dalam tahun2 1959 hingga 1962 di-mana beliau pernah memenangi tempat per-tama, kedua dan ketiga di-dalam pertandingan2 me-lukis yang di-anjorkan sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.



KINI berusia 45 tahun . . . tidak ada masa yang paling menyenangkan bagi beliau selain daripada sering berdampingan dengan anak2 dan chuchu2 beliau.



KETUA Jurutera Letrik, Malai Ali bin Malai Haji Othman kelihatan menjunjong Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan untok memperkenalkan kapada Baginda pegawai2 kanan Jabatan Letrik.



BAGINDA bersama adinda Baginda serta rombongan kelihatan sedang mendengarkan p kedua2 ketua jabatan berkenaan bertempat di-Bilek Taklimat.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan kelihatan sedang memerhatikan di-antara kenderaan pos (motosikal) yang di-gunakan oleh Jabatan Pos bagi menghantar surat menyurat ka-luar bandar (atas). Dan bawah kelihatan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ketika berada di-Bahagian Bungkusan, Jabatan Pos.



# Keberangkata ka-Jabatan P



KELIHATAN ketua Jurutera Letrik, Ma Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Se Bangunan, Jabatan Letrik (atas) sementara Yang Dipertuan kelihatan sedang memerh Letrik.



# TAAT, HORMAT DAN BERBUAT BAIK KAPADA IBU-BAPA

MARI-LAH kita terus menerus bertakwa kapada Allah dengan sabenar2-nya dan meningkatkan rasa takwa itu dengan melakukan keta'atan kapada Allah dan berusaha menghindarkan diri daripada memperbuat sa-suatu yang di-larang-Nya.

Di-negeri2 barat pada umom-nya, masharakat di-sana sudah sa-macham teradat memberi kebebasan yang tiada terbatas sa-sudah sa-seorang anak itu menchapai umor 18 tahun. Mulai dari perengkat umor itu si-anak boleh berbuat apa sahaja yang di-sukai-nya kerana sudah terlepas dari kawalan kedua ibu-bapa-nya. Ibu-bapa sa-olah2 tiada lagi berkuasa untok menegor dan melarang sa-kira-nya mendapati anak-nya membuat kelakuan yang kurang sopan sa-sudah meningkat umor tersebut.

Masharakat2 yang hidup di-negeri2 sa-belah timor pun sudah sa-macham terpengaroh dengan keadaan saperti ini, sa-hingga pada zaman sekarang ini bukan sedikit anak2 yang sudah besar panjang tiada lagi begitu menghormati ibu-bapa. Chakap2 ibu-bapa sa-olah2 tiada masin dan layak di-kelinga, tegoran2 ibu-bapa sa-olah2 tiada bererti dan berharga.

Jikalau ibu-bapa mithal-nya melarang anak gadis-nya jangan selalu berjalan-jalan dengan kawan lelaki-nya supaya menjauhi perkara burok yang mungkin terjadi, ada pula si-anak yang membantah larangan itu dan mengatakan bahawa ibu-bapa-nya sudah tidak perlu masok champor akan urusan peribadi-nya kerana dia sudah chukop dewasa dan pandai menjaga diri, bahkan yang lebeh dahshat lagi ada sa-tengah-nya sudah tidak peduli sama ada dia akan memalukan ibu-bapa atau tidak, lalu menurutkan hati meninggalkan rumah dan menaiki rumah teman lelaki-nya, perbuatan2 si-anak saperti ini sudah tentu menyentoh perasaan ibu-bapa dan sudah pasti menimbulkan rasa kesal dan kechewa. Anak2 yang degil dan "inda merati" serta tidak patoh kapada ibu-bapa saperti ini-lah yang selalu di-timpa bermacham-macham bentok benchana dan bala daripada Allah Ta'ala.

Rasulullah s.a.w. dalam sa-buah hadith telah bersabda yang kira2 bermaksud :

*"Barangsiapa yang memberi kegembiraan kapada kedua ibu-bapa-nya neschaya Allah redha kapada-nya, dan barangsiapa yang menyebabkan sakit hati kedua ibu-bapa terhadap-nya, neschaya ia menimbulkan kemurkaan Allah kapada-nya."*



Daripada hadith ini jelas-lah kapada kita bahawa jika si-anak berusaha menggembirakan ibu-bapa-nya neschaya dia mendapat keredhaan Allah, tetapi jika dia melakukan sa-suatu atau menimbulkan perkataan yang menyakitkan hati ibu-bapa-nya neschaya Allah akan murka kapada-nya. Kerana Allah Ta'ala telah mewajibkan supaya anak sentiasa ta'at, hormat dan berbuat baik terhadap ibu-bapa, sabagaimana Firman Allah dalam surah Al-Isra' ayat 23 dan 24 yang kira2 bermaksud :

*"Dan Allah telah mewajibkan kapada kamu supaya jangan kamu menyembah melainkan Dia dan mewajibkan kamu supaya berbuat baik kapada kedua ibu-bapa. Jika sa-seorang di-antara kedua-nya telah meningkat tua atau kedua-dua-nya, jangan-lah engkau keluarkan perkataan yang kasar kapada kedua-nya dan jangan pula engkau tengking. Bahkan hendak-lah engkau katakan (do'akan): Ya Tuhan-ku ! Korniakan-lah rahmat bagi kedua-nya sa-bagaimana mereka mengasoh peliharaku ketika aku maseh kechil."*

Oleh kerana masaalah taat, hormat dan berbuat baik kapada kedua ibu-bapa itu merupakan perkara yang amat besar di-sisi ugama yang mana menjadi puncha utama kapada keselamatan hidup kita di-dunia dan di-akhirat, maka mustahak-lah tuan2 khas-nya anak2 sekalian supaya menyedari hakikat ini bagi mengelakkan jangan sampai kita termasok orang yang durhaka kapada ibu-bapa. Salagi ibu-bapa tidak menyuroh berbuat maksiat dan mungkar, maka salama itu-lah kita wajib ta'at kapada mereka. Pada umom-nya tidak ada ibu-bapa yang inginkan anak-nya mengerjakan maksiat malahan sekalian-nya inginkan anak-nya menjadi baik dan saleh.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 8hb April, 1981 hingga ka-hari Selasa 14hb April, 1981, ada-lah saperti di-bawah ini : —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 8hb April | 12.28 | 3.43 | 6.32 | 7.44 | 4.46 | 5.00 | 6.16 |
| 9hb April | 12.28 | 3.43 | 6.32 | 7.44 | 4.46 | 5.00 | 6.16 |
| 10hb April | 12.28 | 3.43 | 6.32 | 7.44 | 4.46 | 5.00 | 6.16 |
| 11hb April | 12.27 | 3.42 | 6.32 | 7.44 | 4.45 | 4.59 | 6.14 |
| 12hb April | 12.27 | 3.42 | 6.32 | 7.44 | 4.45 | 4.59 | 6.14 |
| 13hb April | 12.27 | 3.42 | 6.32 | 7.44 | 4.45 | 4.59 | 6.14 |
| 14hb April | 12.27 | 3.42 | 6.32 | 7.44 | 4.45 | 4.59 | 6.14 |

**Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# SOMBONG ADA-LAH SEJAHAT2 PENYAKIT

**O Bingkisan minggu ini**

DALAM dunia yang pana tempat kita menumpang hidup di-dalam jangka masa yang terhad ini, bagi orang yang tahu akan kedudokan diri-nya sa-bagai hamba Allah s.w.t. sudah memadai untok-nya menchari pedoman dan menjadi sukat2 dalam kehidupan-nya sahari2, bahawa kita tidak kekal sa-lama2-nya menjadi penghuni di-alam dunia ini, tentu ada penyudah-nya bagi kehidupan kita. Dari itu sudah sewajar-nya kita mempunyai khidmat yang baik dan mempunyai akhlak yang terpuji untok menjadi ristaan di-kalamana kita sudah tiada lagi di-dunia ini. Biar-lah segala keulahan, tindak-tandok kita itu akan terchatet dengan chatetan yang baik dan menjadi perangsang kapada jenerasi2 atau waris2 yang kita tinggalkan.

Di-dalam soal meninggalkan ristaan yang baik ini-lah, banyak sifat2 yang burok atau di-larang harus di-jauhi, baik sifat2 itu di-benchi oleh manusia apatah lagi oleh Allah s.w.t. Salah satu daripada sifat2 yang di-keji atau di-benchi itu ia-lah 'sombong' membesar diri, ini-lah sajahat2 penyakit alam dan masharakat, yang mudah tumboh di-dalam hati manusia dan mudah menjalar dalam gelombang masharakat manusia. Terutama ka-dalam hati orang2 yang mempunyai banyak nekmat keduniaan. Oleh itu ugama kita ia-itu ugama Islam yang maha suchi telah mengketegorikan atau mengumpolkan sifat2 takbor menyombong ini ka-dalam senarai penyakit2 batin yang merbahaya dan sangat2 di-larang. Sombong bukan-nya sifat mereka yang beriman dan bukan-nya pula sifat kemegahan yang layak bagi manusia.

Ada pun puncha2 lahir-nya penyakit sombong itu, ia-lah di-antara-nya lahir dari kelakuan, lahir dari perchakapan, lahir dari sikap enggan bertegor sapa, meninggi2kan diri ketika berkata dan lain2 lagi, walhasil timbul dari perasaan tersebut ia-nya menganggap diri-nya lebeh tinggi dan mulia daripada orang lain dan orang lain tidak setaraf dengan-nya atau ia merasa tersinggong jika orang lain tidak memuliakan-nya.

Dalam perkara ini Rasulullah s.a.w. ada bersabda dalam hadith Baginda yang di-riwayatkan oleh At-Termizi yang bermaksud : *"Senantiasa-lah sa-orang yang takbor itu berbangga meninggi2kan diri-nya hingga di-tulis nama-nya di-dalam kumpolan orang2 yang bongkak. Maka menimpa ka-atas diri-nya sa-suatu bala' bagaimana orang2 bongkak yang lain ada menerima bala' saperti-nya."* Sabda Baginda s.a.w. lagi dalam hadith yang di-riwayatkan oleh Bukhari daripada Abdullah bin Umar, yang bermaksud : *"Barang siapa membesarkan diri dan sombong dalam sikap-nya neschaya bertemu ia dengan Allah sedangkan Allah memurkai-nya."*

Oleh itu mari-lah kita insafi diri kita, ingatkan betul2 dari mana kita datang ? dan di-mana kita berada sekarang ? dan ka-mana nanti kita akan pergi ? kemudian jawab-lah. Kerana apa yang kita lakukan itu ada-lah suatu yang benar2 akan berlaku kapada diri kita. Dengan demikian hindarkan-lah sifat sombong daripada diri kita. Kerana tidak ada apa2 yang kita dapati hasil dari bersifat sombong itu melainkan perpechahan, permusohan yang tetap merugikan kita dan merugikan masharakat kita khusus-nya perpaduan umat Islam, serta dosa akibat perbuatan yang berchanggah dengan kehendak Islam.

Untok itu mari-lah kita renongkan maksud firman Allah s.w.t. dalam Surah As-Zumar di-ayat 72 "Di-katakan (kapada mereka2 yang sombong) masokki-lah kamu ka-pintu neraka jahanam itu, sedang kamu kekal di-dalam-nya, maka neraka jahanam itu-lah seburok2 tempat bagi orang2 yang menyombong diri."

Kerana itu mari-lah juga kita memohonkan perlindongan daripada Allah s.w.t. supaya kita di-lindongi daripada mereka2 yang sombong dan mudah2an tidak-lah kita menjadi orang2 yang sombong yang merugikan kita di-dunia apatah lagi di-akhirat.

# SAMBUTAN ISRA' ME'RAJ

## "MEMBANGUN DENGAN KEIMANAN"

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sambutan Isra' Me'raj tahun ini di-jangka akan di-adakan pada 30hb Mei, 1981 dan kemungkinan achara kemunchak sambutan tersebut akan di-siarkan sa-chara langsong melalui Radio dan Talivishen.

Pertandingan Nashid seluroh negeri akan menjadi achara kemunchak sambutan tersebut. Pertandingan nashid perengkat daerah2 juga akan di-adakan.

Di-samping itu sa-bagai achara tambahan bagi sambutan tahun ini peraduan menulis sajak, makalah dan cherpen juga akan di-adakan dalam tiga bahagian ia-itu (a) untok penuntut2 Tingkatan IV dan V, (b) untok penuntut2 Tingkatan VI dan Maktab2 Perguruan dan (c) untok umom (bukan penuntut sekolah atau maktab).

Ini telah di-putuskan dalam satu mashuarat yang di-adakan baru2 ini di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri yang juga telah menetapkan thema sambutan tahun ini "MEMBANGUN DENGAN KEIMANAN".

Sa-siapa yang ingin menyertai pertandingan nashid boleh-lah mendapatkan borang2 serta keterangan lanjut mengenai-nya dari sekarang dari Pengerusi sambutan di-daerah masing2: ia-itu bagi Daerah Brunei-Muara borang2 tersebut boleh di-dapatkan dari Awang Salleh bin Metassan, Bahagian Dakwah dan Tabligh, Jabatan Hal Ehwal Ugama di-Bandar Seri Begawan, bagi Daerah Tutong dari Awang Ali bin Abdul Hamid di-Pejabat Ugama Tutong, bagi Daerah Belait pula dari Awang Yusof bin Perak, di-Pejabat Ugama Belait sementara bagi Daerah Temburong pula boleh-lah berhubong dengan Awang Yusof bin Haji Kamis, Pejabat Yunit Gerakan Dakwah Daerah Temburong.

Manakala borang2 dan keterangan lanjut peraduan menulis sajak, makalah dan cherpen boleh di-dapati dari Awang Abdul Hamid bin Haji Tamat atau Awang Timbang bin Bakar di-Bahagian Pengarang Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri.

# WANITA HAMIL —

## BOLEH-KAH DI-NIKAHKAN ?

**Siri ke-74**

**YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........**



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Se Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M. P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, M

1. **Pendahuluan**

Sayugia-lah di-ketahui bahawa umat Islam dari zaman Sahabat2 (radhialla-hu 'anhum) telah bekerja bersunggoh2 menjaga ugama Islam dan menerangkan hukum2 Islam kapada umat Islam. Sa-lepas mereka datang pula para Tabi'en ia-itu pengikut2 Sahabat2 itu yang juga menerangkan hukum2 Islam dari segala perkara yang di-sampaikan kapada mereka oleh guru2 mereka ia-itu para Sahabat. Seterusnya, sa-lepas para Tabi'en itu ia-lah murid2 mereka yang menyampai dan menerangkan hukum2 Islam serta perkara halal haram.

Sa-sudah itu datang *Al-Imam Malek* (men. tahun 179 H); *Al-Imam As-Shafi'e* (men. tahun 240 H); *Al-Imam Ahmad bin Hambal* (men. tahun 241 H); dan lain2 imam yang besar yang bekerja mengeluarkan hukum shara' dan mengarang kitab di-dalam hukum2 Islam. Al-Imam Malek mithal-nya telah mengarang AL-MUWATTA' yang kandongan-nya ia-lah hukum2 feqah dari hadith2 Rasulullah s.a.w. Dan Al-Imam As-Shafi'e mengarang kitab AR-RISALAH ia-itu kitab mengenai kaedah bagi mengeluarkan hukum shara' dari Al-Kor'an dan hadith dan segala yang berhubong dengan-nya. Ini di-ikuti dengan karangan beliau seterus-nya ia-itu kitab AL-UM ia-itu kitab yang menjadi puncha mazhab As-Shafi'e. Sementara Al-Imam Ahmad pula mengarang kitab-nya yang bernama AL-MUSNAD di-dalam hukum2 shara' yang kandongan-nya dari hadith2 Rasulullah s.a.w.

Sa-belum ketiga2 imam tersebut maka di-Baghdad *Al-Imam Abu Hanifah* (men. tahun 150 H) telah mengeluarkan hukum shara' bersama2 dengan murid2-nya. Di-antara murid-nya yang terkenal ia-lah *Abu Yusuf* yang berjawatan Qadhi al-Qudhat dan *Al-Imam Muhammad bin Al-Hassan*. Al-Imam Abu Hanifah ada suatu kitab AL-MUSNAD ia-itu hadith2 bagi sandaran beliau mengeluarkan hukum shara' yang telah di-himpunkan oleh murid2-nya.

Dan *Al-Imam Muhammad bin Al-Hassan* ada meriwayatkan riwayat kitab AL-MUWATTA' daripada *Al-Imam Malek* dan ia menyebutkan qaul (pendapat) *Al-Imam Abu Hanifah* sa-lepas hadith2 MUWATTA' yang telah diriwayatkan dari guru-nya *Al-Imam Malek. Al-Imam As-Shafie* belajar kapada *Al-Imam Malek* di-Madinah.

Kemudian datang pula *Al-Imam Bukhari* (men. tahun 256 H) dan *Al-Imam Muslim* (men. tahun 261 H) yang masing2 menghimpunkan hadith2 Rasulullah s.a.w. yang di-pileh dan di-tapis dari hadith2 Baginda yang banyak. Kumpolan hadith kedua2 imam itu di-namakan *SAHEH AL-BUKHARI* dan *SAHEH AL-MUSLIM* yang pada pendapat masing2 bahawa hadith2 tersebut itu ada-lah yang saheh menurut ijtihad dan usaha masing2.

Sa-lepas itu datang *Al-Imam Abu Daud* (men. tahun 275 H); *Al-Imam At-Tarmizi* (men. tahun 279 H); *Al-Imam Ibnu Majah* (men. tahun 273 H); dan *Al-Imam An-Nasai'e* (men. tahun 303 H) — yang masing2 itu telah menapis dan berijtihad pada menchari hadith2 yang mana saheh dan masing2 telah dapat mengumpolkan-nya.

Demikian-lah ulama' bekerja pada ilmu hadith dengan mengumpolkan hadith2 yang saheh dan menyatakan mana2 yang bukan saheh. Dan pengikut imam2 yang empat pula mengarang kitab2 dan mengajarkan ilmu imam2 mereka itu kapada orang ramai. Mereka juga membahathkan perkara2 yang berlaku dan menchari atau menetapkan hukum shara' pada-nya sa-hingga sampai pada masa kita ini.

Maka berkata-lah ulama' bahawa orang yang bertaqlid dengan satu2 dari mazhab yang empat sa-telah mazhab2 tersebut tetap dan terator dengan pendapat ulama' masing2 dan telah di-susun di-dalam kitab2 — tiada-lah ia harus membantah satu mazhab dengan satu mazhab itu; dan tiada-lah harus ia menyalahkan satu2 hukum yang telah di-bahath dan di-tulis di-dalam kitab dalam mana2 mazhab dengan sa-mata2 kerana ia menyalahi mazhab yang lain.

Berdasarkan keterangan2 di-atas maka ADA PUN MASAALAH WANITA HAMIL di-luar nikah tidak boleh di-nikahkan (sabelum kelahiran kandongan-nya—penyunting); kira-nya masaalah ini masaalah perempuan hamil dari zina maka masaalah ini telah pun di-bahathkan oleh mazhab yang empat dan oleh lain dari mazhab yang empat. Oleh yang dem kian pengikut2 mazhab k na-lah mengikut mazh masing2.

***... Kira-nya masaalah ini masaalah wanita hamil dari zina maka masaalah ini telah pun di-bahathkan oleh mazhab yang empat dan oleh lain dari mazhab yang empat.***



**KELIHATAN Awang Osmandi bin Osman anak anggota AMDB yang turut mengambil bahagian dalam peraduan musabaqah membacha Al-Kor'an bahagian Muqaddam anjoran Pusat Latehan AMDB.**

**Musabaqah yang bethemakan 'Perpaduan Membasmi Perpechahan Umat' itu telah di-langsongkan di-Padang Kawat Perkhemahan Bolkiah pada malam Jumaat lepas.**

Ada pun melaga-lagak satu mazhab dengan sa mazhab tiada-lah di-bu oleh ulama' Islam, kera masing2 imam dengan pe dapat-nya dan ijtihad-nya

**Tiada boleh di-rombak**

Berkata *Al-Imam* *Subki* (men. tahun 711 dalam kitab JAM'UL J WAMI'E bahawa tiada- di-rombak suatu hukum d lam perkara2 yang di-i hadkan dengan ittifaq u ma' pada-nya. Jika ki nya hukum itu menyal akan nas ataus suatu *za jalie* (yang terang) se pun zahir itu *qias* j (yang terang); atau orang hakim (qadhi) te menghukumkan suatu putusan dengan menyal ijtihad-nya; atau sa-or hakim telah menghuku kan suatu keputusan nyalahi akan nas imam- dengan tiada ia bertac kapada sa-orang im yang lain ketika ia harus bertaqlid kapada ma imam — maka pada ke itu di-rombak-lah huk nya.

Perkataan atau penda *Al-Imam As-Subki* di- ini telah di-sokong dan setujui oleh pengulas2- terdiri dari *Al-'Allamah* *Bannani Al-Maleki* *Shaikhal Islam Abdul R man As-Sharbini As-Sh*

Ini menunjokkan ba wa tiada khilaf (berseli ulama Islam pada-nya.

Sukar hendak menc orang berijtihad da perkara yang telah se pendapat ulama pada- saperti masaalah wa hamil dari zina. Ada jika masaalah yang ba berlaku pada zaman rang maka wajib di ulama' menchari hu nya di-sisi shara', de masing2 mengikut ma masing2. (Bersambo

*WALLAHU A'AL*

# Berjalanlah Dengan Selamat






**PANDUAN JALANRAYA**

di-terbitkan oleh:

**MAJLIS KESELAMATAN JALANRAYA NEGERI BRUNEI**

Bil. 1 — April 1980


# Panduan bagi Pejalan-kaki

**APABILA BERJALAN-JALAN DI-JALAN RAYA INGAT:—**

**TEMPAT2 BERJALAN KAKI**

* di-lorong pejalankaki
* di-sebelah kanan jalan raya menghadapi kenderaan

**BAGAIMANA CHARA MENYEBERANG JALAN**

* Berhenti di-tepi jalan
* Pandang ka-kanan
* Pandang ka-kiri
* Pandang ka-kanan sekali lagi
* Apabila jalan raya bebas, terus-lah menyeberang

**TEMPAT2 MENYEBERANG JALAN**

* Melalui jejatas (jambatan atas)
* Garisan menyeberang di-dalam isharat
* Di-tempat kawalan Polis lalu-lintas
* Di-tempat kawalan pengawas murid sekolah



Selalu-lah gunakan lorong pejalankaki jika terdapat, dan sentiasa ikut sabelah kiri



Jika tidak terdapat lorong pejalankaki berjalan-lah di-sebelah kanan jalan raya menghadapi kenderaan. Di-waktu malam bawalah suloh atau gunakan pakaian yang cherah.



Sewaktu hari hujan pastikan payong awda tidak menganggu pemandangan awda kapada lalulintas



Apabila hendak menyeberang di-persimpangan, perhatikan dahulu pada kenderaan yang akan membelok ka-hala awda



Untok lebeh selamat, menyeberang-lah melalui jejatas (jambatan untok menyeberang)



Menyeberang di-tempat kawalan polis lalulintas. Pelajari-lah tanda2 isharat polis supaya awda ketahui bila masa hendak menyeberang.




Menyeberang-lah di-mana terdapat pengawas murid2 yang di-tugaskan untok mengawal lalulintas




Berhati2 dan berwaspada-lah apabila hendak menyeberang dari belakang kenderaan yang berada di-tepi jalan raya kerana awda mungkin tidak nampak kenderaan yang datang



Apabila menyeberang jalan di-kawasan luar bandar, pileh-lah bahagian jalan yang lurus

## BAGAIMANA CHARA MENYEBERANG JALAN



1. BERHENTI di-tepi jalan



2. Pandang ka-KANAN



3. Pandang ka-KIRI



4. Pandang ka-KANAN sekali lagi



5. Apabila jalan raya bebas dari kenderaan, terus-lah menyeberang berjalan dan jangan berlari



KELIHATAN di-atas Baginda di-junjong dan di-beri penerangan oleh salah sa-orang pegawai di-Bahagian Pameran Jabatan Pos.



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir yang turut mengiringkan Baginda kelihatan memerhati di-Bahagian Kaunter menjual setem Jabatan Pos.

# ...bawah DYMM ... Jabatan Letrik



...Haji Othman menerangkan sa-suatu kapada ...rtuan ketika berada di-Bahagian Perkhidmatan ...awah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan ...ugam kaki-tangan (Pembacha2 meter) Jabatan



SALAH sa-orang pegawai di-Jabatan Letrik sedang menerangkan sa-suatu mengenai alat2 hawa dingin yang di-pamerkan sa-masa keberangkatan baginda ka-jabatan tersebut.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan kelihatan sedang bertanyakan sa-suatu kapada kaki-tangan di-bahagian kewangan, Jabatan Letrik.





SEMASA keberangkatan pulang, Baginda kelihatan di-ziarahi oleh pegawai2 kanan di-kedua2 jabatan.

# MANUSIA SANGAT GELOJOH DAN RAKUS MEMBURU KENEKMATAN2 HIDUP — Kadhi Temburong

PEKAN BANGAR.—Kadhi Daerah Temburong, Awg Haji Besar telah menekankan hanya ugama Islam sahaja yang dapat memberi ketenteraman jiwa kapada manusia, tetapi jika mengharapkan sa-suatu sa-lain daripada ugama Islam neschaya manusia akan mengalami kegelisahan dan kekachauan bathin.

Kerana, kata-nya hidup kita di-dunia ini tidak putus dengan perjuangan dan sering menghadapi chabaran2 yang mendesak.

"Maka dalam menghadapi chabaran2 hidup yang tidak putus2 dengan segala perjuangan ini, kita tidak akan dapat memakmorkan dunia kechuali kita berpegang tegoh kapada ajaran2 ugama Islam dengan akidah dan hukum-Nya," tegas Awg. Haji Besar sa-jurus sabelum merasmikan kursus pendakwah2 yang telah di-hadhiri oleh lebeh 40 orang umat Islam didaerah ini yang di-adakan di-Masjid Utama Muhammad Salleh di-sini pada hari Isnin lepas.

Sa-terus-nya beliau berkata, manusia yang hidupnya tanpa keperchayaan kapada Allah akan dilingkongi oleh perasaan fana dan merasa umor mereka terlalu pendek disamping chita2 yang tinggi mengawan. Tetapi sabalek-nya, menurut beliau, "mereka bersifat gelojoh, terburu2 dan rakus untok memburu kenekmatan2 hidup di-dunia ini sa-mata2 untok mengisi dan menghabiskan umor mereka yang pendek itu."

Jadi tegas-nya lagi, apabila manusia itu sudah menghadapi pergolakan hidup yang tandus tanpa mempunyai perasaan belas kasehan, timbang rasa dan tolong-menolong maka akhir-nya mereka mudah terjerumus ka-dalam lembah hawa nafsu, dimana akibat-nya akan menjatohkan darjat kemanusiaan yang berbudi pekerti luhor dan berperi kemanusiaan.

Oleh kerana ini-lah, Jabatan Hal Ehwal Ugama melalui Yunit Dakwah Islamiah Daerah Temburong mengambil peranan positif dengan menganjorkan kursus bagi pendakwah-pendakwah supaya berdakwah dengan chara yang betul untok menimbulkan penyeruan yang sudah wujud sejak zaman berzaman ia-itu menyeru manusia menggunakan akal mereka untok memahami hakikat hidup untok beriman kapada Allah.

Dalam pada itu, beliau telah menasehatkan kapada pendakwah2 yang mengikuti kursus pagi itu, apabila mereka telah berdakwah kapada manusia lain (kapada orang2 yang bukan Islam supaya memelok Ugama Islam) jangan mudah kechewa jika tidak berjaya tetapi, kata-nya, hendaklah penoh kesabaran dan tabah menghadapi-nya.

Achara kursus pada pagi itu termasok-lah satu cheramah khas mengenai kesedaran berdakwah dengan chara yang baik dan betul bukan dengan chara kekerasan, paksa atau tipu muslihat, yang telah disampaikan oleh Pegawai Ugama Kanan, Ustaz Hj. Abdul Aziz bin Juned. Kursus dakwah Islamiah ini akan di-adakan sachara bersiri dari sa-bulan ka-sebulan sa-panjang tahun ini.

Menurut Pengerusi Kursus, Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah, jika para pendakwah berjaya mendakwah sa-ramai tujoh atau lebeh hingga memelok Ugama Islam maka ia atau mereka akan di-senaraikan untok menerima anugerah sa-bagai Pendakwah Terbaik.



KADHI Daerah Temburong, Awang Haji Besar ketika merasmikan majlis tersebut.

Dari muka 9

Bilek Pusat Perhubongan, Bilek Bahagian Pelayaran dan lain2 lagi.

Di-akhir lawatan itu, rombongan tersebut berpeluang menaiki sa-buah kapal tentera ia-itu SETERIA (PO4) di-Angkatan Laut yang berpengkalan di-Muara.

Sementara itu, sa-ramai 50 orang penuntut terdiri dari Anak2 Serigala, Pandu Puteri dan lain2 lagi, bersama2 lima orang guru termasok sa-orang guru lelaki, baru2 ini telah membuat lawatan pertama kali-nya ka-Squadron Peninjau di-Perkhemahan Tutong.

Rombongan itu telah diketuai oleh Mrs. Collins yang bertujuan untok memperkenalkan mereka kapada kerjaya bahagian Pasokan Peninjau. Di-Samping itu, penerangan2 juga telah di-sampaikan oleh Lt. Mohd. Said dari Pasokan Peninjau.

# Harga barang2 keperluan harian

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 ya di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Be wan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa barang2 ya tersebut di-bawah ini bermula dari minggu 2hb April 1981.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. PUSU KERING — $4.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Chin Seng,
   No. 107, Jalan Chevalier.
2. LADA KERING — $3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Hock Huat,
   No. 62, Jalan McArthur.
3. BAWANG PUTEH — $2.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Tan Eng Huat,
   No. 111, Bangunan Guru2 Melayu Brunei.
4. KACHANG KUDA — $1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Hock Huat,
   No. 62, Jalan McArthur.

**KUALA BELAIT**

1. FUSU KERING — $4.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Hwa Min,
   Bangunan Dewan Perdagangan China.
2. LADA KERING — 3.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a. Ng Ming Hong,
   No. 101 Jalan McKerron.
   b. Sia Heng Hong,
   No. 31-B, Jalan Sungai.
3. BAWANG PUTEH — $3.20 sa-kati bo di-beli dari kedai2 berikut:—
   a. Chop Hwa Min,
   Bangunan Dewan Perdagangan China.
   b. Eng Soon Seng,
   No. 58, Jalan Pretty.
4. KACHANG KUDA — $1.50 sa-kati bo di-beli dari kedai berikut:—
   Ng Ming Hong,
   Bangunan Dewan Perdagangan China.

**SERIA**

1. PUSU KERING — $5.20 sa-kati boleh beli dari kedai berikut:—
   Haji C. A. Mohammed,
   No. 51, Jalan Bunga Kuning.
2. LADA KERING — $3.20 sa-kati boleh beli dari kedai berikut:—
   Chop Koh Seng Hang,
   No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
3. BAWANG PUTEH — $3.50 sa-kati bo di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Kim Huat,
   No. 53, Jalan Bunga Kuning.
4. KACHANG KUDA — $1.60 sa-kati bo di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Koh Seng Hang,
   No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak 11hb. hingga 14hb. April, 1981

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Ugama Sengkurong | 11.4.1981 | Sabtu | 2.00– 3.00 petan |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 11.4.1981 | Sabtu | 3.15– 4.15 ,, |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 11.4.1981 | Sabtu | 4.30– 5.30 ,, |
| Kawasan Rumah Penghulu Mukim Serasa, Jalan Muara | 12.4.1981 | Ahad | 10.00–10.30 pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Masjid Lama | 12.4.1981 | Ahad | 10.45–11.15 ,, |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 12.4.1981 | Ahad | 11.30–12.00 T/Ha |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah) | 13.4.1981 | Isnin | 2.00– 3.00 petan |
| Berhadapan Kedai Kampong Perpindahan | 13.4.1981 | Isnin | 3.30– 4.30 ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 14.4.1981 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak | 14.4.1981 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |

# penderma2 Tabong Mangsa Kebakaran Kg. Sultan Lama

Dari muka 4

$324.00, Haji Ghapar bin Moktar $100.00, The Borneo Co (B) Ltd $473.00, P.F.H. Fire Protection, KB $500.00, Maraine Service Ltd. $100.00, L & L Engineering Corporation Ltd. $500.00, Russ Larkin & Associates $100.00, Watson (S.E. Asia) $500.00, Guma Pte Ltd. $1,231.00, Kaki-tangan dan penuntut2 Sekolah Menengah SMJA $2,000.00, Mukim Peramu $550.00, Sharikat Alamana $100.00.

Awang Haji Mohd Yusof bin Pehin Jawatan Dalam dan Anak2 $720.00, Pendudok2 Kampong Menunggol $213.00, Penjual2 kain, keset, BSB Tamu $500.00, Sim Hur $500.00, Olivetti (Singapore) Pte Ltd $1,000.00, Staff of Olivetti (B) Pte Ltd $180.00, Akitek Perikatan $100.00, Pendudok2 Kampong Pengiran Tajuddin Hitam $193.00,

Pendudok2 Kampong Lurong Sikuna $490.00, Staff of Fast Motor Co. $153.00, Mr. Duncan Mc Dowell $50.00, Sharikat Perusahaan Mewah $100.00, Borneo Garriage & Trading Co. Ltd $240.00, Pendudok2 Kampong Sengkurong "B" Huat Tyre Retreading Co $200.00, Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam Seria $350.00 Wold Advertising Services $20.00, Uniror Pte. Ltd. $100.00.

Ting's Furniture (B) Co, $100.00, Pendudok2 Orang Kaya Besar Imas $500.00, Persatuan Kebajikan dan Sokan, Jabatan Talikom $2,500.00, Pendudok2 Kampong Sungai Kedayan 'A' $867.00, Sek. Melayu Bendahara Sakam Bunut $312.00, Jennifer Ho Pan Chin $200.00, Pendudok2 Kg. Bt. Marang $1,400.00, Pendudok2 Kg. Pulau Berbunut $109.00, Pendudok2 Kg. Tanah Jambu $256.00, Guru2 & Murid2 SMD-MW Lambak $630.00, Staff & Partners of Frank & Vargeson $370.00, Sek. Melayu Putat $69.10, Pendudok2 Kg. Sg. Tilong/Madang $1,026.00, Kelab Ria Brunei $300.00, Tiong Seng Contractors Ltd $200.00, Pendudok2 Kg. Kapok, Muara $965.00, Pendudok2 Kg. Pandai Besi 'A' $341.00, Pendudok2 Kg. Rimba, Gadong $103.00.

Librakonsult-Consulting Engineers $1,065.00, Pendudok2 Kampong Sg. Bebuluh $69.00, Guru2 & Murid2 SM & SPI Sg. Kebun $287.00, Pendudok2 Kg.Kiulap $294.00, SPI & SM Pengkalan Batu $135.00, The Sri Lanka Association $1,550.00, Sek. Melayu Pusar Ulak $181.00, Pejabat Perbendaharaan BSB $1,500.00, Kampong Belukut $50.00, Mr. Sabruddin & Friends $230.00, Hamba Allah $15.00, Wang's Advatising Co. $100.00, Liew Bong Yen & Brothers Furniture Makers $110.00, Voon Hua Co. $200.00, Carrier Singapore (Pte) Ltd $1,000.00, Staff of Carrie Spore (pte) Ltd $317.00. Sing Lee & Clru Construction Co $600.00, Pekerja Islam India Madras $2,001.00, WT Partnership $200.00.

Darus Salam Motors $75.00, The Barset $259.00, Contact Services Consultants $200.00, A.M. Mohamed Ali Marica $501.00, Pendudok2 Kg. Pengkalan Batu $161.00, Pendudok2 Kg. Pulau Baru-Baru $75.00, Pegawai-Pegawai/Kakitangan JHEU Brunei $1,214.00, Kampong Anggerek Desa $350.00, Castle Trading Co. $100.00, Anamyamous $5,000.00, Anamyamous $500.00, Autosar $500.00.

Hari ini RTB

# ...EMASAK

## ... Berudang"

roh lagi di-simpan untok perhiasan.
2. Lada merah di-buang biji dan di-hiris halus.
3. Daun bawang dan sop di-chuchi berseh2 dan di-hiris halus2.
4. Bawang merah di-goreng sa-hingga kuning.
5. Banchohkan tepong jagong dengan santan sedikit2 sa-hingga rata, masokkan garam sa-chukop-nya.
6. Masakkan adonan dengan mengachau-nya supaya adonan menjadi pekat dan lichin. Masakan sa-hingga mendideh.
7. Tuangkan adonan ka-dalam talam atau bekas yang tersedia basah, di-selangkan adonan dengan udang chenchang, lada, daun sop, dan bawang goreng. Tinggalkan bahan2 ini sedikit untok perhiasan.
8. Hiaskan atas-nya dengan bahan2 perhiasan yang lebeh serta udang goreng yang tidak berpotong.
9. Sejokkan. Potong kechil2 sa-belum menghidangkan.

Untok maaluman pada penat2 ranchangan Mari Memasak, ini ada-lah siri terakhir. Ranchangan ini akan di-tiadakan buat sementara waktu dan akan di-siarkan sa-mula pada 6hb Jun, 1981.

# Lawatan muhibbah RTB

TIGA rangkaian mass media ia-itu RTB Brunei, RTM Limbang dan RTM Kuching berchantum dalam satu ikatan mesra di-malam pertemuan Muhibbah bertempat di-perkarangan RTM Limbang.

Lawatan rombongan Badan Kebajikan dan Sokan RTB ka-Limbang ia-lah sa-bagai membalas lawatan yang di-buat oleh lebeh 30 orang ahli Kelab Kerehitan RTM Limbang dua tahun lalu.

Lawatan rombongan RTB ka-Limbang mengandongi 54 orang ahli yang terdiri dari Pegawai2 Kanan TV, Penerbit2 dan lain2 serta pancharagam dan rombongan ini di-ketuai oleh Pemangku Pengawal RTB Awang Abdul Razak Haji Muhammad.

Kapal M.V. Sultan yang membawa rombongan pelawat telah di-sambut dengan meriah dan di-beri kalongan bunga sa-baik2 saja rombongan mendarat di-tambatan Limbang pada petang hari Sabtu, 21hb Mach lepas.

Rombongan dari RTM Kuching yang di-ketuai oleh Pengarah Penyiaran Penerangan Sarawak, Awang Haji Mokhtar Daud telah pun berada di-Limbang dan turut serta menyambut ketibaan rombongan dari RTB.

Ini-lah kali pertama tiga rangkaian pegawai2 mass media bertemu mesra di-dalam satu suasana yang paling gembira dan dalam uchapan-nya Pengarah Penyiaran Penerangan Sarawak di-malam pertemuan muhibbah mengharapkan suasana dan hubongan mesra antara tiga steshen mass media dapat di-teruskan dan di-kekalkan dengan lebeh erat lagi untok menjamin ujud-nya tali persaudaraan.

Kata-nya, jika persahabatan yang sedia ada ini dapat di-pupok dengan baik maka kita akan nampak hasil, perkembangan-nya yang lebeh cheмerlang di-masa2 akan datang".



KETUA rombongan RTB, Awang Abdul Razak Haji Muhammad turut menyertai salah satu sokan dalam peraduan menyumpit.

Yang Berhormat Datu James Wong sa-orang ahli Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Limbang dalam uchapan-nya menerangkan bahawa sejak dulu lagi atau sa-belum perang Jepun, orang2 Brunei banyak merantau ka-bahagian Sarawak dan demikian juga orang2 di-Sarawak terutama Limbang banyak merantau ka-Brunei untok menchari penghidupan.

YB Datuk James Wong yang juga selaku host di-majlis jamuan pada malam itu memberitahu bahawa raayat di-kedua2 buah negeri itu tidak merasa terasing kerana banyak saudara mara dan sahabat handai bermastautin di-negeri2 tersebut. Beliau seterus-nya mengharapkan agar banyak lagi lawatan2 saperti ini perlu di-adakan untok menjalin rasa sefahaman dan mengukohkan lagi tali persaudaraan.

Pemangku Pengawal RTB yang juga selaku ketua rombongan telah menguchapkan terima kaseh kapada ahli2 dan pegawai2 RTM Limbang kerana sambutan2 yang begitu meriah dan ator-chara lawatan yang tersusun serta di-luar dugaan.

Beliau juga berasa bangga dapat bertemu dengan ahli2 dan pegawai2 dari RTM Limbang dan Kuching di-mana hasil pertemuan ini dapat-lah di-sifatkan bagi mengeratkan lagi persahabatan dan kerjasama antara ahli2 rombongan dan ahli2 RTM Limbang dan Kuching.

Beliau juga menguchapkan terima kaseh kapada Ketua Ranchangan RTM Limbang Awang Hamdan Ibrahim juga Residen Limbang Awang Haji Shamsuddin Ahmad Buang yang melibatkan diri sa-chara langsong dalam lawatan itu. RTB telah juga menghadiah beberapa buah chenderamata kenangan di-majlis itu.

Pertemuan muhibbah itu lebeh meriah lagi kerana di-hadhiri oleh Menteri Penerangan Malaysia YB Datuk Mohammad Rahmat.

Majlis pada malam itu juga telah di-serikan dengan persembahan nyanyian, lawak jenaka oleh artis2 RTM Kuching dan Limbang dan artis2 RTB mengambil tempat satelah persembahan2 dari RTM Kuching dan Limbang selesai.

Persembahan yang di-bawakan termasok-lah nyanyian2 dan tarian kebudayaan dengan di-iringi oleh pancharagam sendiri. Semakin suasana bertambah ranchak maka Menteri Penerangan Malaysia pun berminat untok bernyanyi dan menyumbangkan beberapa buah lagu. Sa-telah menyanyi beliau mengajak semua artis menyanyi beramai-ramai.

Di-akhir persembahan, Menteri Penerangan Malaysia telah memuji artis2 dari RTB dan mensifatkan mereka itu mempunyai masa depan yang chemerlang.

Pada pagi esok-nya rombongan telah di-bawa melawat ka-kompleks bangunan RTM Limbang sa-belum di-bawa ka-Bukit Mas untok mengadakan beberapa perlawanan sokan saperti menyumpit, memanching ikan, main unggap, perlumbaan perahu jumpong dan menangkap itek berenang. Manakala petang-nya di-adakan perlawanan badminton dan bolasepak sa-belum berangkat balek dengan kenang2an manis di-Limbang.



MENTERI Penerangan Malaysia, YB Datuk Mohammad Rahmat (no. 2 dari kanan) turut bernyanyi bersama-sama dengan artis2 RTB, Haslinda dan Ariffin Mohd Taib, Johari H.O. dan Patung Ling dari RTM Kuching.



...an Sister Hajjah Khadijah dalam sudut pan... ...dayang2 yang mempunyai masaalah itu dapat ...ri Selasa jam 11.00 pagi.

# RANCHANGAN TVP DARI 13HB HINGGA 19HB APRIL

## ISNIN — 13HB APRIL

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 323.
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, HALAMAN BINATANG, SI-MANIS, BERNYANYI DENGAN GAYA, PEKERJAAN SENDIRI dan CHERMIN SAKTI.
Ruangan binatang, Che'gu Rokiah akan bercherita darihal belalang.

## SELASA — 14HB APRIL

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 324
Dalam ranchangan hari ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BERMAIN KUDA, LIHAT DAN PERHATI, PA' LONG, AMIN, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI.
Ruangan bermain kuda Che'gu Rokiah dan anak2 akan pergi ka-Balai Bomba.
Siri Permulaan pula Che'gu Rokiah akan bercherita darihal 'Api.'

## RABU — 15HB APRIL

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 325
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERSENAM, TUNJOK BENDA, KATA SI-MANIS, AMINAH, PEKERJAAN SENDIRI dan CHERMIN SAKTI.

## KHAMIS — 16HB APRIL

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 326.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BERMAIN MUSIK, LUKISAN DARI RUMAH, BERMAIN BAKUL, AMIN, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok cherita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah 'Kera Menjala Buaya Mendapat'.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 326.

## JUMAAT — 17HB APRIL

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, TEKA BENDA, AMINAH, KETUA KESELAMATAN, KAJIAN SA-MULA JADI dan CHERMIN SAKTI.
Ruangan Kajian Sa-mula Jadi Che'gu Rokiah akan menunjokkan dan bercherita darihal berjenis2 buah2an.

## SABTU — 18HB APRIL

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 327.
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti IKUT KETUA, YANG MANA GANJIL, AMINAH, BERMAIN KERUSI, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Cherita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah 'Kuching Yang Khianat.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 327.

## AHAD — 19HB APRIL

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Ruangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti RUANGAN BERLAKUN, TUNJOK BENDA, MAIN BOLA, PETI SURAT, DI-MANA TEMPAT-NYA dan CHERMIN SAKTI.
Ruangan berlakun Che'gu Rokiah dan anak2 akan pergi melawat muzium.

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## Mulai dari 8hb. hingga 14hb. April 1981

### RABU

PAGI : 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayah/Peringatan harian — dendang suria; 8.30 — Majallah radio (su); 9.00 — Lagu dan senikata; 9.30 — Permintaan pagi Rabu; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Autograph pendengar; 1.00 — Taman mekar (su); 11.30—Bingkisan tanah ayer (su). **T/HARI** : 12.00 — Rampaian tengah hari — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Penyanyi harapan; 1.30 — Hiboran menjelang rehat. **PETANG** : 2.00 — Siaran berhenti rehat. 5.00 — Pilehan irama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong asli; 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **MALAM** : 7.00 — Serbanika hiboran (su); 7.30 — Majallah radio — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Untok belia; 9.00 — Permintaan sukaramai; 9.30 — Apa pilehan awda; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### KHAMIS

PAGI : 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayah/Peringatan harian, dendang suria; 8.30 — Majallah radio (su); 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Rampai sari hiboran (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Rampaian London (su); 10.30 — Permintaan sukaramai; 11.30 — Ruangan ketani (su). **T/HARI** : 12.00 — Lagu2 Melayu asli — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Chitra wara (su); 1.30 — Hiboran menjelang rehat. **PETANG** : 2.00 —Siaran berhenti rehat. 5.00 — Majallah ugama/Petikan soal jawab ugama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Lagu2 nasehat; 6.00 — Siri Mukkadam, Bingkisan hari ini, menunaikan sembahyang fardhu maghrib; **MALAM** : 7.00 — Bachaan surah yassin-Talil/Irama dakwah; 7.30 — Bimbingan Al-Kor'an — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Sandiwara radio (su); 9.00 — Tafsir Al-Kor'an; 9.30 — Hidayat; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### JUMAAT

PAGI : 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 6.45 — Menyanyikan lagu Kebangsaan Brunei; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayah/Peringatan harian, dendang suria; 8.30 — Pertanian; 9.00 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.30 — Tafsir Al-Kor'an (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Waktu Berita; 10.15 — Soalan di-udara; 10.30 — Dari kampong ka-kampong; 11.00 — Bimbingan Al-Kor'an (su); 11.30—Keluaga jaya. **T/HARI** : 12.00 — Lagu2 Dakwah; 12.15 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an; 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Juma'at; 1.15 — Qasidah/lagu Melayu asli; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Mutiara gambus. **PETANG** : 2.13 — Membachakan susunan ranchangan; 2.15 — Varia peristewa; 2.30 — Ruangan ketani; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Apa pendapat awda/hiboran; 3.30 — Focus Radio— Azan fardhu asar; 4.00—Tunas pendidek (su); 4.30 — Chitrawara; 4.58 — Membachakan susunan ranchangan; 5.00 — Gurindam lagu 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita: 5.45 —Suntingan khutbah Juma'at; 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **MALAM** : 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Majallah Radio — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (su); 9.00 — Mutika/petikan dari filem (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### SABTU

PAGI : 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayah/Peringatan harian — dendang suria; 7.30 — Pada hemat saya—dendang suria; 8.30 — Majallah radio (su); 9.00 — Soalan di-udara; 9.15 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Tetamu minggu ini (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Varia peristewa (su); 10.30 — Serbanika hiboran (su); 11.00 — Focus radio (su); 11.30 — Apa pendapat awda/hiboran. **T/HARI** : Rampaian tengah hari— Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Chitra Irama; 1.30 — Lagu dan senikata. **PETANG** : 2.00 — Permintaan hujong minggu; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Hiboran pilehan; 3.30 — Cherpen dan selokan-nya — Azan fardhu asar; 4.00 — Mutiara asli; 4.30 — Pelajaran dewasa di-udara (su); 5.00 — Irama gembira; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 lama; 6.00 — Siri Mukkadam — Bingkisan hari ini — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **MALAM** : 7.00 — Mutiara gambus (su); 7.30 — Majallah radio — Azan fardhu isha; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Drama dalam shaer (su); 9.00 — Hidangan lagu2 irama hindustan; 9.30 — Titian budaya (su); 9.45—Irama keronchong; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### AHAD

PAGI : 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 8.30 — Majallah Radio (SU); 9.00 — Taman mekar; 9.30 — Dunia Wanita; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Doctor Radio; 10.30 — Pop minggu ini; 11.00 — Titian budaya; 11.30 — Pancharagam tempatan. **T/HARI** : 12.00 — Sandiwara Radio — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan dua station. **PETANG** : 2.00 — Membachakan susunan raschangan; 2.02 — Mutika/Petikan dari filem; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Mari berpantun—Azan fardhu asar; 3.45—Drama dalam shaer; 4.30—Sokan dan olahraga; 4.58 — Membachakan susunan ranchangan; 5.00 — Pilehan juruhebah; 5.30 —Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 gazal; 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan hari ini—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. **MALAM** : 7.00 — Gurindam lagu; 7.30 — Majallah radio—Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Suara perajurit 9.30 — Permintaan lagu2 60an; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### ISNIN

PAGI : 6.00—Allah peliharakan Sultan dan Negara; 6.03 —Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Suntingan hidayah/Peringatan harian, dendang suria; 8.30 — Majallah radio (su); 9.00 — Rampai sari hiboran; 9.30 — Dendang antarabangsa; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang de-ngan ku; 10.30 — Sain dan perusahaan; 11.00 — Album penyanyi; 11.30 — Bingkisan tanah ayer. **T/HARI** : 12.00 — Komintar radio, 12.15 — Lagu2 rampaian — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian joget; 12.45 — Ta[illegible] Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Perminta[illegible] sukaramai. **PETANG** : Siaran berhenti re[illegible] 5.00 — Hiboran pilehan; 5.30 — Tanda Wa[illegible] dan Warta Berita; 5.45 — Senandong la[illegible] asli, 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan h[illegible] ini—Menunaikan sembahyang fardhu magh[illegible] **MALAM** : 7.00—Penyanyi harapan; 7.3[illegible] Tunas pendidek — Azan fardhu isha; 8.00 [illegible] Tanda Waktu dan Warta Berita — ber[illegible] tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; [illegible] Chitra irama (su); 9.00 — Pertanian; 9.3[illegible] Mutiara asli (su); 10.00 — Tanda Waktu [illegible] Rengkasan Berita; 10.05 Suntingan hida[illegible] 10.07 —Bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an —D[illegible] restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### SELASA

PAGI : 6.00—Allah peliha[illegible] kan Sultan dan Negara; [illegible] —Sinaran wahyu; 6.30—Me[illegible] bachakan susunan ranchan[illegible] dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu [illegible] Warta Berita — Suntingan hidayah/Perin[illegible] harian — dendang suria; 8.30 — Suara pe[illegible] jurit (su); 9.30 — Permintaan kaum wa[illegible] 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Be[illegible] 10.15—Rampaian London; 10.30—Autog[illegible] pendengar (su); 11.00 — Dunia wanita [illegible] 11.30 — Hiboran untok suri2 rumah ta[illegible] 11.45 — Doctor Radio (su). **T/HARI** : 1[illegible] Hiboran tengah hari — Azan fadhu dz[illegible] 12.45 — Tanda Waktu dan Wanita Be[illegible] 1.00 — Tetamu minggu ini; 1.30 — Ku s[illegible] paikan salam. **PETANG** : 2.00 — Siaran b[illegible] henti rehat. 5.00 — Lagu2 nasehat; 5.3[illegible] Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — I[illegible] senja; 6.00 — Siri Mukkadam—Bingkisan h[illegible] ini—Menunaikan sembahyang fardhu magh[illegible] **MALAM** : 7.00 — Album penyanyi (su); [illegible] — Majallah radio — Azan fardhu isha; [illegible] — Tanda Waktu dan Warta Berita — be[illegible] tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; [illegible] — Pancharagam tempatan; 9.00 — Kel[illegible] jaya (su); 9.30—Permintaan sukaramai; 1[illegible] — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 1[illegible] — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ay[illegible] suchi Al-Kor'an — Do'a restu; 10.30 — Sia[illegible] di-tamatkan.

## RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

### From 8th to 14th April 1981

#### WEDNESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Ladies at Eleven by Veronica Shim. **NOON** : 12.00 — Lunch Break by Asha Devaraj. **PM** : 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break (continued); 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Theatre Forty-Five : "Bartlett" by Bill Lyons; 8.30 — Sweet and Stylish; 9.15 — News; 9.30 — "Close Encounters of a Bookish Kind" produced by Helen Thu; 10.00 — Close Down.

#### THURSDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Ladies at Eleven by Veronica Shim. **NOON** : 12.00 — Lunch Break by Evelyn Samuel. **PM** : 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break (continued); 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement Hello Tomorrow; 8.30 — Perspective; 8.45 — Johnny Douglas and his orchestra; 9.15 — News; 9.30 — The Big Band Sound; 10.00 — Close Down.

#### FRIDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—English Examined prog 4 (repeat); 11.15 — Strictly Instrumental; 11.30 — Children's Half Hour. **NOON** : 12.00 Three Ladies In Stereo produced by Jaafar Yaakub. **PM** : 12.30 — News; 12.45 — The Paramour Sound — 6/16; 1.15 — BBC Sports Magazines; 1.30 — Close Down. 8.00—Opening Announcement — Three Ladies In Stereo (repeat); 8.30 — Dateline; 9.00 — International Money Programme; 9.15—News; 9.30 — String Sound; 10.00 — Close Down.

#### SATURDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Ladies at Eleven by Veronica Shim. SOON : 12.00 — Lunch Break by Asha Devaraj. **PM** : 12.30—News; 12.45 — Lunch Break (continued); 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Practical World; 8.15 — Hits In Germany; 8.45 — "Two Away For No" by Ak Hisamuddin; 9.15 — News; 9.30—Top of The Pops — 854; 10.00 — Close Down.

#### SUNDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Radio Doctor produced by Idris Ali; 11.15 — Break For Music; 11.30 — Close Encounters of a Bookish Kind (repeat); **NOON** : 12.00 — "Two Away For No" (repeat). **PM** : 12.30 — News; 1.00 — Top of the Pops; 1.30 — Close Down. **Tajul Stu[illegible] Night** : 8.00—Opening Announcement—S[illegible] Band On Parade; 8.15 — Tell a tale Com[illegible] tion produced by Veronica Shim; 8.3[illegible] English Examined prog 47; 8.45 — Sun P[illegible] by Gwen Goh and Sarah Watson; 9.00 — [illegible] Questions Cool Replies; 9.15—News; 9.3[illegible] Science Pop; 10.00 — Close Down.

#### MONDAY

AM : 6.58 — Ope[illegible] Announcement; 7.00 — World News (BBC[illegible] Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — M[illegible] Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS R[illegible] lay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Ope[illegible] Announcement—Ladies at Eleven by V[illegible] nica Shim. **NOON** : 12.00 — Lunch B[illegible] by Evelyn Samuel. **PM** : 12.30 — News; 1[illegible] — Lunch Break (continued); 1.30 — C[illegible] Down. **David's Music Night** : 8.00 — Op[illegible] ing Announcement — Vivaldi—"Winter" [illegible] the Four Seasons, Beetheven—Symphony N[illegible] 4 in B flat; 8.45—A Talk on Indian M[illegible] by Asha Devaraj 9.15 — News; 9.30 — H[illegible] lights from Grand Opera with Ted W[illegible] 10.00 — Close Down.

#### TUESDAY

AM : 6.58 — Ope[illegible] Announcement; 7.00 — World News (B[illegible] Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — M[illegible] Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS [illegible] lay); 8.30 — Close Down. 11.00 — O[illegible] Announcement—Ladies at Eleven by [illegible] nica Shim. **NOON** : 12.00 — Lunc[illegible] by Asha Devaraj. **PM** : 12.30 — News[illegible] — Lunch Break (continued); 1.30 — [illegible] Down. **Ja'afar Pop Music Night** : [illegible] Opening Announcement — Just For You[illegible] 9.00 — Rock Line; 9.15 — News 9.30 [illegible] Music From Asia; 10.00 — Close Dow[illegible]

# RENTAS DESA PERSATUAN SOKAN AMATUR BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Sokan Amatur Negeri Brunei akan menganjorkan perlumbaan rentas desa yang terbuka kapada sekolah2, maktab2, persatuan2 dan orang2 perseorangan seluroh negeri.

Perlumbaan itu nanti akan di-langsongkan pada 1hb. Mei depan bertempat di-Arena Sokan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong bermula jam 2.30 petang.

Ia-nya ada-lah merupakan anjoran kali yang kelima oleh persatuan tersebut dan terbahagi kapada enam bahagian, Peserta bagi lelaki veteran akan berlari sa-jauh empat batu, lelaki senior sa-jauh tujoh batu, lelaki junior sa-jauh tujoh batu, lelaki kanak2 sa-jauh empat batu, perempuan senior sa-jauh empat batu dan perempuan junior juga sa-jauh empat batu.

Dalam bahagian berpasokan sa-tiap pasokan ada-lah di-persharatkan mengandongi lapan orang pelari dalam mana kiraan ada-lah di-buat dari enam pelari yang terbaik dalam tiap2 bahagian.

Bayaran bagi menyertai perlumbaan ia-lah $10.00 bagi sa-tiap pasokan dalam sa-tiap bahagian dan $1.00 bagi perseorangan dalam sa-tiap bahagian.

Borang2 serta keterangan lanjut sekarang boleh di-perolehi daripada Awg. Tuah bin Nordin di-bahagian Latehan Jasmani Jabatan Pelajaran dan Awg. Zainal bin Ghana di-Pusat Tingkatan Enam bagi Daerah Brunei Muara, Awg. Basri Haji Lahib di-Pejabat Pelajaran Tutong bagi Daerah Tutong, Awang Suhaili bin Lani dan Awg S. Sibidol bagi Daerah Belait dan Awang Abdul Hamid Mumin bagi Daerah Temburong.



SATU daripada achara lari yang di-pertandingkan dalam sokan tersebut ketika mana peserta2 yang bersaingan sedang hampir menamatkan perlumbaan mereka.

## BELIA DAN SOKAN

# Persatuan Chator Chawangan K-Belait pelawa belia jadi ahli

KUALA BELAIT. — Persatuan Chator Chawangan Kuala Belait di-jangka mengadakan mashuarat tahunan kali kedua-nya minggu depan bertempat di-Kelab Ria Kuala Belait di-sini.

Tujuan bagi mashuarat tersebut ada-lah bagi membubarkan ahli2 jawatan kuasa lama dan melantek ahli2 jawatan kuasa baru bagi tahun ini.

Di-samping itu ia-nya juga akan membinchangkan ranchangan bagi mengadakan perlawanan chator terbuka kapada pemain2 daerah ini yang mana merupakan projek tahunan persatuan yang bertujuan untok memileh pemain2 ka-pertandingan chator sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang di-anjorkan oleh Persatuan Chator Kebangsaan Brunei, demikian menurut Awang Libaha bin Haji Udin selaku Setiausaha persatuan.

Persatuan Chator Chawangan Kuala Belait telah pun tertuboh pada tahun lalu dengan di-pengerusikan oleh Awang Hassan bin Bakar selain daripada dua orang Setiausaha, sa-orang Bendahari dan sembilan orang ahli2 jawatan kuasa biasa.

Penubohan bagi persatuan tersebut ada-lah bertujuan untok membantu mempesatkan lagi perkembangan permainan chator di-negeri ini dengan jalan memusatkan sa-tiap belia yang meminati permainan tersebut bagi sama2 menambahkan pengalaman masing2 menerusi latehan2 bersama.

Sejak penubohan-nya pemain2 dari persatuan telah sering menyertai perlawanan2 yang di-anjorkan oleh Persatuan Chator Kebangsaan.

Belia2 di-daerah ini yang berminat untok menchaborkan diri dalam permainan chator ada-lah di-pelawa untok menjadi ahli persatuan. Borang2 sekarang boleh di-perolehi dari Pengerusi dan Setiausaha persatuan masing2 bertempat di-Jabatan Kastam dan Pejabat Pelajaran Kuala Belait.

# *Sokan tahunan Maktab S.O.A.S.*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin minggu lalu telah melangsongkan achara sokan tahunan kali ke-25 bertempat di-Padang Sekolah Menengah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam di-sini.

Sokan tersebut telah di-rasmikan oleh Pengarah Pelajaran Brunei, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat.

Sa-banyak 30 achara lorong dan padang telah di-pertandingkan dalam sokan tersebut dan dua achara kemunchak ada-lah berupa lari 4x100 meter jemputan sekolah2 dan lari 1500 jemputan bagi orang ramai.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh isteri Pengarah Pelajaran.

## Hoki antara yunit AMDB

BERAKAS. — Perlawanan hoki tahunan antara yunit2 Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah bermula Jumaat lalu.

Dalam perlawanan permulaan itu dua permainan telah di-jalankan.

Pasokan Battalion Kedua telah bertemu dengan Pasokan Angkatan Laut Pertama bertempat di-sini sementara Pasokan Kejuruteraan bertemu dengan Pasokan Skuadron.



LOMPAT tinggi ada-lah juga merupakan satu daripada achara yang menarek perhatian di-sokan tersebut. Di-atas kelihatan salah sa-orang peserta dalam bahagian tersebut berjaya melompat sa-tinggi yang di kehendaki.



GAMBAR atas ada-lah sa-bahagian lagi perlawanan chator bagi daerah Tutong yang telah berlangsong baru2 ini di-Dewan Kemasharakatan Tutong.

# *Sepak takraw tiga-regu Brunei Muara*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Penyelaras Pertandingan Pesta Sokan 81 akan mengadakan satu perlawanan sepak takraw tiga-regu sapasokan bagi memileh pasokan2 yang akan mewakili Daerah Brunei-Muara ka-Pesta Sokan nanti.

Perlawanan yang di-jangka akan di-adakan pada pertengahan bulan April ini ada-lah terbuka kapada semua persatuan2 yang berdaftar, jabatan2 kerajaan, sekolah2 dan maktab dan mereka hanya-lah di-bolehkan menghantar satu pasokan sahaja bagi tiga-regu yang terdiri dari 12 orang pemain termasok pemain2 simpanan.

Perlawanan sepak takraw tiga-regu ini akan di-adakan sa-chara liga berpasokan dan hanya empat pasokan yang berjaya akan di-pileh bagi mewakili daerah ini ka-Pesta Sokan nanti yang akan berlangsong pada 15hb, 16hb dan 17hb. Mei depan.

Borang2 penyertaan boleh di-dapati sekarang dari Setiausaha Pertandingan, Pg. Metassan bin Pg. Bakar di-Pejabat Peranchang Bandar dan Negara; Awg. Yusof bin Tuah di-Maktab Perguruan, Gadong dan Awang Damit bin Sulaiman di-Pejabat Hal Ehwal Ugama.

Borang2 tersebut hendak-lah di-kembalikan kapada Setiausaha Pertandingan tidak lewat dari 11hb. April depan.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Di-Jabatan Radio Talivishen Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Radio Talivishen Brunei, Brunei.

1. PEREKA :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Chalon2 mesti-lah berumor di-antara 18 hingga 40 tahun dan boleh bertutor dengan faseh dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Sa-baik2-nya mempunyai pengalaman sa-bagai pereka set pentas dan talivishen. Kemahiran dalam melukis, kemahiran dalam semua jenis lukisan grafik serta kebolehan mereka pelan2 bangunan ada-lah penting. Kelulusan Diploma in Art, atau yang sebanding dengan-nya atau sekurang2-nya kelulusan Sijil 'Am Pelajaran akan di-pertimbangkan.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya di-kehendaki membuat kerja mereka set untok ranchangan2 talivishen. Mereka mesti-lah bersedia untok bekerja siang malam, hari Juma'at/Ahad dan dengan Bahagian Siaran Luar TV.

**Tangga Gaji :**

C.2 EB.3—$1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545-1615-1685 / E B / 1735 - 1795-1855-1915-1980.

Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PEMBERITA :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Lulus Tingkatan Lima aliran Inggeris. Mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama dua tahun dalam bidang kewartawanan. Kebolehan menaip dan menulis trengkas ada-lah di-utamakan.

**Tugas2 :**

Bertugas sa-bagai sa-orang Pemberita talivishen dan Radio. Berkebolehan menjalankan temuramah dalam bahasa Melayu atau Inggeris.

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4-5—$720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb April, 1981.

(E/552/77)

(Bil : 42/1981)

## Sa-bagai Pegawai Penyelidek

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pegawai Penyelidek di-Jabatan Muzium, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 tahun hingga 40 tahun dan sekurang2-nya mempunyai kelulusan Sijil 'Am Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya dan boleh bertutor dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Di-antara kelulusan2 tersebut mesti-lah dalam mata-pelajaran Sejarah.

b) Pemohon2 mesti-lah berkebolehan dalam menjalankan kerja2 penyelidekan, juga boleh mengarang artikel2 berbentok artikel akademik. Ujian akan di-kenakan kapada pemohon di-dalam bidang ini sa-masa di-temu duga.

**Tugas2 :**

Chalon yang berjaya akan di-tugaskan menjalankan kerja2 penyelidekan serta mengumpulkan data2 penyelidekan Sejarah, Kajibangsa, Kaji Alam Semula Jadi, Kaji Purba dan cherita raayat ka-dalam rekod2 kemudahan Penyelidek Jabatan Muzium Brunei. Chalon mesti-lah juga bersedia untok bertugas serta bermalam ka-daerah2 pendalaman.

**Tangga Gaji :**

C.2 EB.3—$1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545-1615-1685 / E B / 1735 - 1795-1855-1915-1980.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan pe[...] honan ini satu Laporan S[...] dan satu salinan Rekod [...] khidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah [...] hantar dalam dua sa[...] borang yang boleh di-da[...] daripada Jabatan Perjawa[...] Brunei dan hendak-lah [...] kembalikan bersama2 de[...] salinan surat2 akuan dan [...] tidak lewat dari 30hb A[...] 1981.

(E/254/80 — Bil : 47/19[...]

### TENDER NOTICE

**SUPPLY OF IRONMONGERY FOR THE HIGH COURT BUILDING**

1. TENDERS together with priced Bill of Quantities and the required sample of ironmongery will be received by the Chairman of the Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei for the supply of ironmongery up to 12.00 noon on 5th May 1981.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and said envelopes shall be marked clearly "TENDER FOR THE SUPPLY OF IRONMONGERY FOR THE HIGH COURT BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN."

4. Drawings and Bill of Quantities may be obtained from the office of International Project Consultants, Architects and Engineers, Room 41, Britannia House, Bandar Seri Begawan from 2nd April 1981 until 7th April 1981 during normal office hours.

5. The Tender Deposit will be B$500.00 which will be refundable to each unsuccessful tenderer but forfeited from any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date.

6. Tenders shall be submitted only on the Forms of Tenders provided.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any ender.

### SALE BY TENDER OF UNSERVICEABLE VEHICLES AND STORES

**LOT 67**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan up to 10.00 am., 18th April, 1981 for the undermentioned unserviceable vehicles and stores.
2. Tenders received after this time will be rejected.
3. Vehicles and stores may be viewed in RSSD Logistics Depot Compound, Bolkiah Camp until 1100 a.m. 17th April, 1981.
4. Tenders must be placed in plain sealed envelopes and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.
5. Envelopes must be addressed to the Chairman Tenders Board, the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan and must be clearly marked on the top of the envelope with the Lot number (Lot 67, RBMR).
7. Vehicles are offered for sale "As Lying" and must be removed from present site by successful tenderer within 14 days of notification.
8. The Government does not bind itself to accept the highest or any tender.

| Ser No. | Items | Qty |
|---|---|---|
| 1 | Bus Medium | 1 |
| 2 | Fab Road Trailers | 2 |
| 3 | Outer Cover 1200 x 20 | 36 |
| 4 | Outer Cover 900 x 20 | 10 |
| 5 | Outer Cover 900 x 16 | 36 |
| 6 | Outer Cover 825 x 20 | 30 |
| 7 | Outer Cover 825 x 17 | 5 |
| 8 | Outer Cover 825 x 16 | 17 |
| 9 | Outer Cover 750 x 16 | 238 |
| 10 | Outer Cover 600 x 16 | 2 |
| 11 | Outer Cover 700 x 14 | 12 |
| 12 | Outer Cover 205 x 14 | 5 |
| 13 | Outer Cover 185 x 14 | 48 |
| 14 | Inner Tube | 106 |
| 15 | Battery 12 Volt | 105 |
| 16 | Starter Motor 12 Volt | 5 |
| 17 | Control Unit 24 Volt | 2 |
| 18 | Alternator Assy 12 Volt | 3 |
| 19 | Hydraulic Jack (Trolley) | 1 |
| 20 | Can Oil 4½ Gallon | 4 |
| 21 | Jack L/Rover | 1 |
| 22 | Engine Block (96100648 A) | 1 |
| 23 | Canopy | 40 |
| 24 | L/Rover Scrap and Scrap Metal | 6½ Ton |

### ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICES

**TENDER No. 12/1981**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" and "B" up to 12 noon on Tuesday, 14th April, 1981 for the following : —
the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR 2 STOREY NEW SCHOOL AT KAMPONG AYER.

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked : —

"TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR 2 STOREY NEW SCHOOL AT KAMPONG AYER."

Tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

**TENDER No. 14/1981**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" and "B" up to 12.00 noon on Tuesday, 14th April, 1981 for the following : —

ELECTRICAL INSTALLATION FOR CLASSROOMS, STORES AND TOILET FACILITIES FOR MUSEUM AT KOTA BATU.

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked:—

"TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR CLASSROOMS, STORES AND TOILET FACILITIES FOR MUSEUM AT KOTA BATU."

Tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### NOTICE OF SALE

NOTICE is hereby given that a Public Auction Sale of a) sa-buah kereta yang berdaftar B.7908 (Ref: AD 9/B/10.1 — 18th March 1981 the property of Brunei Government will take place on 14th day of April, 1981, at Balai Pulis Panaga jam 10.00 pagi.

District Officer
Belait.

### DEPARTMENT OF ADAT ISTIADAT — TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei, up to 4.00 p.m. on 25th April, 1981 for THE SUPPLY AND INSTALLATION OF ADDITIONAL CLOSED CIRCUIT TELEVISION EQUIPMENT AT THE LAPAU (PHASE 2).

Tenders received after the above date will be rejected.

Specification and other information can be obtained from the office of the Superintendent Engineer, Radio Television Brunei, Bandar Seri Begawan Brunei, or The Protocol Officer, Department of Adat Istiadat, Bandar Seri Begawan Brunei.

Tender documents are to be enclosed in a plain sealed envelope and marked:—

TENDER FOR THE SUPPLY AND INSTALLATION OF ADDITIONAL CLOSED CIRCUIT TELEVISION EQUIPMENT AT THE LAPAU (PHASE 2).

The Government reserves the right to reject the lowest or any tender.

### TENDER NOTICE

**PROPOSED GUARDROOM, THE FIRE STATION, MADRASAH AND TYPE 'G' QUARTERS FOR TH[E] RBMR, BERAKAS CAMP, BRUNEI**

1 TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board, Brunei from Registered Public Works Department Contractors Class "A" for the above mentioned works up to 12.00 noon, 14th April 1981 (Tuesday).

2 Tender documents consisting of Bills of Quantities and ⅛" scale working drawing can be obtained from the office of Ho Kwong Yew dan Anak2 Akitek, Chartered Architects, 406, Bangunan Guru2 Melayu, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan, Brunei from 25th March 1981 during normal office hours. Tender documents will not be issued to any tenderers after 7th April 1981.

3. All other detailed drawings are displayed and can be examined at the said office.

4. The tender deposit will be Brunei $5,000.00 (Dollars Five Thousand Only) in the form of a "cashier's order" issued by a Bank, made payable to the Government of Brunei. The said deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and return of deposit receipt and tender drawings to the Architect's office. The tender deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender or fails to submit a bona fide tender or fails to return the Tender Documents to the Architect's office before the closing date.

5 The tender deposit will NOT be refunded to the successful tenderer, and the said deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project vote.

6 Prior to the issue of [...] tender documents each te[...] er will be required to:—

(1) produce documen[...] evidence that he [...] P.W.D. registered C[...] "A" contractor;

(2) produce a letter [...] his bank (the said [...] being a well known [...] stable bank) stating [...] in the event of [...] tender being acc[...] the said bank [...] furnish him wi[...] banker's guarante[...] the sum of approxi[...] ly B$600,000.00) [...] cordance with the C[...] ditions of Contract.

7 Tenders must be sub[...] ted on the Tender Form [...] vided and must reach the [...] of the Chairman, Te[...] Board, Brunei, Secre[...] Building, Bandar Seri B[...] wan, Brunei not later [...] 12.00 noon, 14th April [...] (Tuesday). Tenders rec[...] after the stipulated time [...] be rejected.

8 Tenders shall be enc[...] in a plain sealed env[...] bearing no indication of [...] name of the tenderer and [...] be marked clearly: — "T[...] DER FOR THE PROPO[...] GUARDROOM, FIRE S[...] TION, MADRASAH [...] TYPE 'G' QUARTERS F[...] THE RBMR, BERA[...] CAMP, BRUNEI."

9 Our Client; the Go[...] ment of Brunei, does not [...] itself to accept the lowe[...] any tender.

### TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the office of State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Class 'A' Contractors up to 12.00 noon on Tuesday, 21st April 1981 for the construction and completion of :

MUARA TELEPHONE EXCHANGE
KG. SALAR
J. MUARA
BRUNEI

2. Before the tender documents can be issued, tenderers must show proof that :

2.1 They are currently registered P.W.D. Brunei as Class 'A' Contractors, and who have complied with Government circular referenced PWD/HO/C/15-7 dated 3rd March 1979.

2.2 Tenderers must produce a specific Bankers letter, stating that in the event of the applicants Tender being successful, the said bank will provide a Security Bond not less than 10% of the submitted tender for the duration of contract. This document must be submitted to the Architects during the Tender pe[...] failure to do so will am[...] to a rejection of the tend[...]

3. Tender Documents ca[...] examined at and obt[...] from the office of the A[...] tects :

BOOTY EDWARDS D[...]
RAKAN2 AKITEK
146 Jalan Chevalier
Bandar Seri Begawan
Brunei

from Thursday, 2nd A[...] onwards during normal o[...] hours.

4. The tender deposit [...] quired is B$500.00 whi[...] in the form of a cheque, [...] be made payable to the A[...] tects. This deposit is refu[...] able to each tenderer upon [...] receipt of a bona fide ten[...] and the return of all ten[...] documents in good condi[...]

5. Tenders shall be sub[...] ted on the Form of Te[...] and enclosed in envelope [...] vided and properly [...] There must be no indica[...] of the names and addre[...] the tenderer on the enve[...]

6. Tenders received after [...] above stipulated closing [...] will be rejected.

7. The Government of B[...] does not bind itself to a[...] the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sa-bagai Merinyu Peranchang Kanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Merinyu Peranchang Kanan di-Pejabat Peranchang Bandar dan Desa, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Keutamaan akan di-beri saperti berikut:—

a) Kapada chalon2 yang mempunyai kelulusan dalam lima mata-pelajaran G.C.E. (Perengkat Biasa) dan tiga tahun pengalaman praktikal dalam penyeliaan kerja2 benaan termasok-lah menyelia pekerja2 di-bawah jagaan-nya.

ATAU

c) Kapada chalon2 yang mempunyai sekurang2-nya tujoh tahun pengalaman praktikal dalam penyeliaan kerja2 benaan dan di-tempat2 benaan dan/atau kerja2 mengawal peranchangan yang mana sekurang2-nya dua tahun daripada tempoh tersebut mesti-lah dalam jawatan penyelia pekerja2 di-bawah jagaan-nya.

Chalon2 mesti-lah tahu mentafsir lukisan2 pelan akitek, bangunan, ukor dan kejuruteraan. Mereka mesti-lah mempunyai kebolehan menyelia pekerja2 di-bawah jagaan mereka dan boleh membuat laporan2 dengan jelas dan rengkas.

**Umor:**

Di-antara 25 hingga 45 tahun.

**Tangga Gaji:**

C. 2 EB. 3 — B$1260-1305-1350-1395-1445 - 1495 - 1545 - 1615-1685 / E B / 1735-1795 - 1855-1915-1980.

**Sharat2 Lantekan:**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek sa-lama tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb Mei, 1981.

(E/223/80 — Bil : 44/1981)

## TENDER NOTICE

### DEPARTMENT OF EDUCATION PRIMARY EDUCATION SECTION TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, State Secretariat, Brunei, up to 12.00 noon on 30th May, 1981 for the following items:—

**Specification**

a) **39 units Portable Electric Generators**
1,500 watt
Engine: 4 stroke, single cylinder gasoline, SV, blower air cooled.
Output: 4.5hp/4,000rpm maximum, 3.3hp/3,600rmp rated
Fuel Tank Capacity and Consumption: 4.1 (1 US gallon, 0.9 Imp. gallon) 3 hours supply.
Starting — Recoil with easy starting system.
Guarantee — how many years.
Spare parts and Service/Maintenance—available or not.

b) **10 units Complete Set Public Address System (DC Battery)**
1 No. Mixer Power Amplifier c/w Microphone
2 Nos. Horn Speaker
Stand and 100 yards cable.
2 Nos. Undirectional Microphone c/w Floor Stand with Boom and Microphone Cable.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be placed in plain sealed envelopes and tenderers must tender for each item separately using separate envelopes, and each envelope must be clearly marked for each item. There must be no indication on the name of tenderers.
4. The date of delivery after an order is placed and the cost C.I.F Education Department Store, Bandar Seri Begawan, Brunei, price should be clearly stated.
5. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## SALE BY TENDER OF UNSERVICEABLE STORES

LOT 68

1. Please submit your tender for items of unserviceable stores shown below.
2. Tenders are to be submitted to the Commander RBMR and placed in the Guard Room Tender Box Berakas Camp by 1100 hrs Friday 24th April 1981.
3. Tenders received after this time will be rejected.
4. Tenders must be placed in a plain sealed envelope and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.
5. All envelopes must be endorsed Lot 68 RBMR.
6. Goods can be inspected at the Return Stores Sub-Depot Bolkiah Camp until 1600 hrs Thursday 23rd April 1981.
7. All goods are offered "As Lying" and must be removed by successful tenderer within 14 days of notification.

| | | |
|---|---|---|
| 1 | Single Mattress R/F | 436 |
| 2 | Double Mattress R/F | 179 |
| 3 | Pillow R/F | 590 |
| 4 | Cushion seat/back | 106 |
| 5 | Watch, stop watch and wall clock | 23 |
| 6 | Bino S/No. 76941 and 779 | 2 |
| 7 | Bunk Bed and Bed stead iron folding | 100 |
| 8 | Chair plastic, steel folding, Draughtsman and Aluminium | 195 |
| 9 | Chair Executive, typist and clerical | 15 |
| 10 | Double Pedestal and Typist Desk | 2 |
| 11 | 3 and 4 Ring Electric Cooker | 41 |
| 12 | Cinemas Screen with stand large and small | 4 |
| 13 | Plastic and Food Container Insulated | 14 |
| 14 | Projector B/H and Speaker | 6 |
| 15 | Filing Cabinet, steel cupboard and Steel locker | 17 |
| 16 | Water Heater | 47 |
| 17 | Refrigerator | 9 |
| 18 | Air Conditioner | 15 |
| 19 | Bicycle | 1 |
| 20 | Suit Case | 19 |
| 21 | Gas Rice Cooker and Kawali Cooker | 59 |
| 22 | 6 and 2 Hot plate Gas Cooker | 4 |
| 23 | Water Cooler | 5 |
| 24 | Hoover Cleaner | 4 |
| 25 | Urn Tea | 3 |
| 26 | 2 Plate Cooker and Oven | 182 |
| 27 | Wall Fan, Ceiling Fan, Table Fan and Stand Fan | 237 |
| 28 | Kettle Electric | 5 |
| 29 | Gas Container | 6 |

## Sa-bagai Jurutera Ayer Kanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Jurutera Ayer Kanan di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

**Kelayakan2:**

Menjadi ahli Institution of Civil Engineers dan, sa-baiknya, menjadi juga Ahli Institution of Water Engineers and Scientists.

**Pengalaman:**

Mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman dalam kerja2 bekalan ayer termasok pengalaman dari segi pengurusan, rekabentok dan pembenaan sa-lain daripada mempunyai pengalaman dalam lain2 bidang kejuruteraan awam.

**Umor:**

35 hingga 50 tahun.

**Tangga Gaji:**

Kumpolan 4 — B$4,320.00 sa-bulan.

**Sharat2 Lantekan:**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 4hb Mei, 1981.

(E/359/81 — Bil : 46/1981)

## Sa-bagai Kerani Jurubahasa

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Kerani/Jurubahasa di-Jabatan Kehakiman, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Persekolahan Brunei Cambridge G.C.E. 'O' Level atau kelayakan2 yang sebanding dan mesti-lah benar2 faseh dalam sekurang2-nya tiga logat China, Melayu dan Inggeris.

**Tangga Gaji:**

D. 3 EB. 4-5—$720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290.

**Sharat2 Lantekan:**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 25hb April, 1981.

(E/108/73)
(Bil : 43/1981)

## Sa-bagai Wadar dan Wadar Wanita

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Wadar dan Wadar Wanita di-Jabatan Penjara, Brunei.

**Kelayakan2:**

a) Berumor antara 18 hingga 25 tahun.
b) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah Enam Sekolah Melayu atau darjah yang sebanding dengan-nya di-Sekolah Inggeris. Kelulusan yang lebeh tinggi ada-lah satu keutamaan.
c) Tinggi tidak kurang 5 kaki 2 inchi.
c) Dada sekurang2-nya 31 inchi apabila tidak di-tarek nafas.
c) Tuboh badan yang sehat dan tegap serta lulus pepereksaan kesihatan yang di-buat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

**Tangga Gaji:**

P.1 EB2—$480-490-500-510-520-530-540-550-650-570-580-590-600/EB/605-615-625-635-645-655-665-675-685.

Alaon 'P' sa-banyak $100.00

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 ka-Jabatan Penjara Brunei tidak lewat dari 13hb April, 1981.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

**SERIAL No. KB. 3/1981**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas B sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 14hb April, 1981 bagi:—

MENGADAKAN KENDERAAN UNTOK MEMBAWA BARANG2 KADAERAH BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB. 3/1981**

TENDERS will be received from Class B only and above Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 14th April, 1981 for:—

TRANSPORTATION OF MATERIALS TO BELAIT DISTRICT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

## TENDER NOTICE

### SUPPLY OF MACHINERY

1. TENDERS are invited for the supply of the following machinery to Jerudong Park:
   - a) 1 Nos MF 16" Post Digger (for attachment to MF 135 Tractor)
   - b) 1 Nos Steiner Hydraulic Crane (for use on pick up lorry)
   - c) 20 Nos 18" Grass Cutting Machines (Petrol driven)
   - d) 2 Nos Yanmar Diesel Model YZC with Trailer
   - e) 8 Nos Beaver Reaping Machine, Petrol driven, knapsock type (c/w tools)
   - f) 4 Nos Tiger Bush Cutter Petrol driven, knapsock type (c/w tools).
   - g) 1 No Turf Cutting Machine (1 ft square)
   - h) 1 No 3 Bag Concrete Mixer c/w Lister Engine
   - i) 1 No 3 x Light Gang Roller.
   - j) 1 No Ransomes Gan Mower Sportcutter MK 10 Magna Mark 12 (Triple Mower)
   - k) 1 No MF 135 Tractor
   - l) 1 No RLN 72 Rolla Mower
   - m) 3 Nos 3½ Ton Tractor Trailers
   - n) 1 No 1½ Ton Tractor Trailer
   - o) 2 Nos Tractor Mounted Acrators
   - p) 2 Nos 24in. Homelite VI 955 Chain Saws
   - q) 4 Nos Knapsock type Power Duster/Mist Blower DM 9 (c/w tools)
   - r) 2 Nos Star Mower HBK-130E
   - s) 1 No Ransomes Tournament Auto-Certes 20 in cut Lawn Mower (for bowling green)
   - t) 1 No Concrete Vibrator Tokyo Fureki Model BDE-45 with turntable
   - u) 1 No Tokyo Fureki Vibration Hammer VR-80
   - v) 1 No Johnson Road Dumper 1.15 Ton Gravity Dump (without hydraulics)
   - w) 1 No Wild TI Micrometer Theodolite.
2. The machinery is to be delivered to Jerudong Park by the supplier(s). Further details may be obtained from the Administrative Officer if required.
3. Tenders should be submitted under sealed plain cover marked: "Jerudong Park — Supply of Machinery" to the Secretary State Tender Board NOT later than noon on 1st May 1981.
4. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Jawatan2 Kosong Di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

1. PELUKIS TINGKAT II:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus empat mata-pelajaran perengkat biasa atau yang sebanding dengan-nya dan mendapat kepujian chemerlang dalam mata-pelajaran senilukis dan lulus dalam mata-pelajaran Bahasa Melayu.

b) Berpengalaman dalam kerja2 senigrafik dan ilustrasi buku dan majallah;

c) Dapat menunjokkan kerja2 yang pernah di-buat sa-bagai bokti pengalaman.

**Tugas2:**

D. 4 EB. 5-5 — $980-1010-1040 - 1070 - 1105-1140-1175 / EB/1200 - 1230 - 1260 - 1290 - 1320-1350-1380-1410.

2. PENTERJEMAH:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Lulus Pepereksaan Sijil 'Am Pelajaran (Perengkat Biasa) dalam empat mata-pelajaran (termasok Bahasa Melayu dan Inggeris dan tidak termasok Senilukis) atau Sijil Persekolahan yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Sa-baik2-nya mempunyai pengetahuan tulisan Jawi dan karang-mengarang. Chalon2 yang mempunyai kepujian dalam bidang sains saperti mata-pelajaran Kajihayat, Kimia, Ilmu Hisab, dan Fizik akan di-utamakan.

Satu ujian bertulis menterjemah Melayu/Inggeris dan Inggeris/Melayu akan di-berikan kapada semua chalon untok mempastikan kelayakan dan pengalaman.

**Tangga Gaji:**

D. 3 EB. 4-5—$720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 2hb Mei, 1981.

(E/211/75)
(Bil : 32/1981)

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Jawatan2 dalam Perkhidmatan K'jaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi beberapa jawatan2 kosong di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

1. JURUTAIP :

Kekosongan2 terdapat di-Jabatan2 :—
(Setia Usaha Kerajaan di-Bahagian Yunit Peranchang Ekonomi, Pertanian, Perikanan dan Kewangan).

2. KERANI/JURUTAIP :

Kekosongan2 terdapat di-Jabatan : —
(Kemajuan Kerjasama; dan Perikanan).

**Kelayakan2 dan Pengalaman yang di-kehendaki bagi kedua2 jawatan tersebut**

1. Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 tahun hingga 35 tahun dan lulus Tingkatan III atau yang sebanding dengan-nya.
2. Boleh menaip sekurang2-nya 40 perkataan sa-minit.
3. Mempunyai kelayakan Trengkas ada-lah merupakan satu kelebehan.

**'Am-nya :**

Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untok berkhidmat di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900 / EB / 980-1010-1040-1070-1105-1140-1175-1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb Mei, 1981.

(E/104/81—Bil : 51/1981)

### TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the installation of electrical wiring at the Sinaut Agricultural Training Centre new workshop.

2. Tender specifications are available from the Farm Manager, Sinaut Agricultural Training Centre, Mile 21, Jalan Tutong.
3. Tenders should be submitted to the Chairman, Tenders Board, office of the State Financial Officer, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon Monday 20th April, 1981.
4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked "Tender for SATC" new workshop electrical wiring — Agriculture Department — Confidential."
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Penolong Pegawai Bala[i]

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penolong Pegawai Balai di-Jabatan Pasokan Bomba, Brunei.

**Kelayakan2 :**

a) Umor — di-antara 18 hingga 26 tahun.
b) Tinggi — sekurang2-nya 5' 4".
c) Dada — sekurang2-nya 34" bila di-kempiskan.
d) Lulus Tingkatan III atau yang sebanding dengan-nya dalam Bahasa Inggeris dan Darjah IV Melayu.

**Kesihatan :**

Pemohon2 mesti-lah b[...] dan tegap dan sehat da[...] kehendaki lulus ujian ke[...] an saperti yang di-kehen[...] dalam Pasokan Bomba.

**Latehan :**

Chalon2 yang berjaya [...] ti-lah melayakan diri [...] Kursus Latehan Pega[...] yang akan di-adakan di-d[...] negeri dan mungkin di-ke[...] daki menjalani latehan [...] seberang laut.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang berjaya [...] bila di-lantek akan di-ke[...] daki menjalankan tugas [...] mana2 Balai Bomba di-d[...] negeri.

**Tangga Gaji :**

P. 3 — $600-610-620-[...] 650-675-700/EB/725-750-[...] 800-825-850. Alaon 'P' [...] banyak $100.00 sa-bulan [...] kira-nya sa-seorang ch[...] yang berjaya itu ia-lah P[...] wai yang sedang berkhid[...] dengan Kerajaan, gaji [...] mulaan-nya akan di-pe[...] bangkan oleh Suroha[...] Perkhidmatan Awam.

Sa-seorang yang se[...] berkhidmat dengan Ker[...] hendak-lah menghantar [...] mohonan-nya melalui K[...] Jabatan-nya dan Ketua J[...] tan itu hendak-lah menye[...] kan bersama2 dengan [...] mohonan ini Satu La[...] Sulit dan satu salinan R[...] Perkhidmatan yang leng[...]

Permohonan2 mesti-la[...] hantar dalam dua salina[...] rang yang boleh di-dapat[...] ripada Jabatan Perjaw[...] Brunei dan hendak-lah [...] kembalikan bersama2 de[...] salinan surat2 akuan dan [...] tidak lewat dari 11hb [...] 1981.

(E/134/73 — Bil : 54/1[...]

### TENDER NOTICE

1. TENDERS are invited for the supply of the following:

| Serial | Items | Qty | Size |
|---|---|---|---|
| | **SNCOS MESS FLOTILLA** | | |
| 1. | Entrance Hall Carpet | 1 | 48' x 24' 6" |
| 2. | Stairs Carpet | 1 | 3' x 42' |
| 3. | Upper Lading Carpet (To include Passage Way to Toilets) | 1 | (i) 27' 6" x 15' |
| | | 1 | (ii) 15' x 27' |
| | | 1 | (iii) 15' x 23' |
| 4. | Ante Room Carpet | 1 | 45' x 24' |
| 5. | Ladies Room Carpet | 1 | 13' x 18' |
| | **FURNISHING SURAU AT FLOTILLA** | | |
| 1. | Wall to Wall Carpet (Roll) | 1 | 34' x 60' |
| 2. | Wall to Wall Carpet (Roll) | 1 | 27' x 16' |
| 3. | Curtains | 18 | 128" x 99" |
| | **SOFT FURNISHING FOR KDB SETERIA** | | |
| 1. | Wall to Wall Carpet (for 6 rooms) | 6 | 696 sq ft |
| 2. | Curtains | 42 | 36" x 24" |
| 3. | Cushion Covers for Ward Room | 12 | 83" x 24" x 6" |
| 4. | Mattress Cover for Officer and SNCOS room | 16 | 74" x 27" x 4" |
| 5. | Mattress Cover for Crew Mess | 16 | 70" x 24" x 4" |

2. Tender will received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, at 4.00 pm. Saturday 18th April 1981.

3. Tender must be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the envelope of the name of the tenderer. The envelope should be endorsed "SUPPLY OF ACCOMMODATIONS TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT BERAKAS REGIMENT."

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

**No. 30 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 21st April, 1981 for : —

CONSTRUCTION OF THE PROPOSED EXTENSION OF OFFICES FOR WEIGHT AND MEASURE, OFFICE BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan Brunei.

**No. 31 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 21st April, 1981 for : —

CONSTRUCTION OF A 2-STOREY 12 CLASSROOMS SCHOOL BLOCK AND ANCILLARY WORKS AT SEKOLAH MELAYU LIMAU MANIS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 32 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 21st April, 1981 for : —

SITE PREPARATION AND CONSTRUCTION OF REINFORCED CONCRETE RETAINING WALL AND DRAIN FOR NEW GODOWN STATE STORE, GADONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 33 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 21st April, 1981 for : —

SEWER CONNECTION IMPROVEMENT OF MUNICIPAL HALL, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 34 OF 1981**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 21st April, 1981 for : —

SUPPLY C.I.F. BRUNEI ONE (1) UNIT WHEEL TRACTOR WITH GRASS CUTTING IMPLEMENTS TO PUBLIC WORKS DEPARTMENT,

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office fo Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 35 OF 1981**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 21st April, 1981 for : —

SUPPLY C.I.F. BRUNEI TWO (2) UNITS SWAMP TRACTOR WITH DOZER.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office fo Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 36 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 21st April, 1981 for : —

CONSTRUCTION OF R.C. BRIDGE AND R.C. BOX CULVERT AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 37 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 21st April, 1981 for : —

CONSTRUCTION OF R.C. BOX CULVERT AT MILE 7½, JALAN TUTONG, BRUNEI.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### TENDER NOTICE

SUNGAI TUTONG SCHEME STAGE 2 CONTRACT 27 INSTALLATION OF PIPEWORKS, VALVES, FLOW METERS AND CHAMBERS

TENDERS for the installation of miscellaneous pipework, valves, water meters and chambers will be received from Class B contractors and above by the Chairman of the Tenders Board up to 12.00 hours on Tuesday 5th May, 1981.

Tender documents may be obtained from the office of the Senior Water Engineer, Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei. Applications for the documents must be accompanied by a tender deposit of B$500.00 payable to the Government of Brunei, which will be refunded following receipt of a bona fide tender and/or the return of the documents in good condition.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### NOTIS TAWARAN

TAWARAN MENIMBOK DAN MERUNTOH BUKIT TALAD JALAN KECHIL UKONG/BUKIT, TUTONG

PEMBORONG2 atau Sharikat2 ada-lah di-pelawa untok membuat pekerjaan yang tersebut di-atas.

Sharat2 penentuan (specification) bagi membuat kerja ini boleh di-perolehi di-Pejabat Daerah Tutong pada masa2 waktu bekerja.

Semua tawaran hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, di-alamat Pejabat Kewangan, Brunei dan hendak-lah di-masokkan ka-dalam sampol surat dengan di-tulis:—

TAWARAN MENIMBOK DAN MERUNTOH BUKIT TALAD JALAN KECHIL UKONG/BUKIT

Semua tawaran hendak-lah sampai kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei tidak lewat daripada 21hb April, 1981 jam 4.00 petang.

### NOTIS TAWARAN

TAWARAN2 ada-lah di-jemput bagi menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis2 (night-soil) sabanyak 274 tong di-dalam kawasan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan 299 tong di-dalam kawasan Lembaga Bandaran Seria pada sebelah malam bagi enam bulan (Julai-Desimber, 1981).

2. Tawaran2 mesti-lah di-alamatkan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran di-Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah Bangunan Pejabat2, Bandar Seri Begawan, sahingga jam 4.00 petang pada hari Isnin, 4hb Mei, 1981. Tawaran yang di-terima sasudah tarikh atau waktu ini akan di-tolak.

3. Tawaran2 mesti-lah [...] masokkan ka-dalam sam[...] surat biasa yang ber[...] Maka di-muka sampol [...] itu tidak-lah boleh d[...] tanda yang boleh men[...] kan siapa nama penawa[...]

4. Sampol2 surat itu m[...] lah di-alamatkan kapada [...] ngerusi, Lembaga Taw[...] (alamat penoh saperti [...] terangkan di-fasal 2).

5. Kerja yang di-tawa[...] mesti-lah di-sebutkan de[...] terang di-atas sampol sur[...] dan perkataan-nya me[...] "PEKERJAAN MENGA[...] KAT DAN MEMBU[...] NAJIS DI-DALAM KA[...] SAN2 LEMBAGA BAND[...] AN KUALA BELAIT D[...] SERIA". Tawaran2 yan[...] terima dalam sampol2 [...] yang tidak di-alamatkan [...] ngan betul akan di-tolak.

6. Surat perjanjian me[...] dongi peratoran2 atas [...] jalankan pekerjaan men[...] kat dan membuang naj[...] pat di-lihat di-Pejabat L[...] baga Bandaran, Kuala B[...] pada bila2 masa bekerja.

7. Kerajaan tidak terikat [...] tok menerima tawaran [...] sa-habis rendah atau seb[...] tawaran.

8. Dua buah kenderaa[...] dengan dua pemand[...] di-sediakan oleh Jabata[...] baga Bandaran Belait, [...] melaksanakan pekerjaa[...] ngangkat dan membua[...] jis itu dengan tidak d[...] kan apa2 bayaran.

### TENDER NOTICE

**SUPPLY OF THE VEHICLES TO JERUDONG PARK**

1. TENDERS are invited for the supply of the following vehicles to Jerudong Park :
   a) 2 Nos Daihatsu Truck Delta V32-H.
   b) 2 Nos Datsun C20 Truck
   c) 1 No Chevrolet LUV Pick Up 4 x 2/4 WD Gasoline
   d) 2 Nos Nissan Patrol Station Wagon 4 x 2/4 WD
   e) - No Daihatsu Light Bus 28 Seats.
2. The vehicles are to be delivered to Jerudong Park and the supplier will be required to paint the vehicles in Jerudong Park colours and inscribe the works "JERUDONG PARK" on the vehicles are directed by the Administrative Officer Jerudong Park. Further details may be obtained from the Administrative Officer if required.
3. Tenders should be submitted under sealed plain cover marked "Jerudong Park — Supply of Vehicles" to the Secretary State Tenders Board not later than noon on 1st May 1981.
4. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER NOTICE

**NEW GENERAL HOSPITAL AT KIULAP — SPORTS COMPLEX**

BUILDING and Civil Engineering Contractors who are Class A registered contractors with the Government of Brunei and who are capable of executing the construction of this project comprising approximately 22,500 square feet, including swimming pool, are invited to tender.

Applications should be made to the architects, Alister MacDonald dan Rakan, P O Box 715, 309 Seri Complex, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei, for the tender documents, which may be collected from Thursday 16th April, 1981.

Applications must be accompanied by a Tender Deposit in the form of a bank draft, payable to the architects, in the sum of One Thousand Brunei Dollars. This deposit will be refundable to those unsuccessful tenderers who submit a bona-fide tender, on the return of tender documents, and drawings, but will not be refunded to the successful tenderer.

Tenders must be forwarded, in an envelope marked "Tender for Sports Complex" to the Chairman of the Tender Board, State Secretariat, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon on Tuesday 12th May 1981.

The Government of Brunei do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TENDER NOTICES

### SUPPLY OF PILLOW SLIP TO RBMR

'ENDERS are invited for the upply of Pillow Slip (Case) ize 29" x 19" to the Royal Brunei Malay Regiment, Bera-as Garrison. Quantity re-uired 1000.

: The tender should state price and delivery time. Sam-ple can be seen at the office of DAQMG 2, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison.

Tender will be received y the Chairman, Tenders oard at the office of the State inancial Officer, Bandar Seri Begawan, by 4.00 p.m. Satur-lay 11th April 1981.

Tenders must be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the envelope of the name of the tenderer. The envelope should be endorsed "SUPPLY OF PILLOW SLIPS (CASE) TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT BERAKAS GARRISON."

5 The Government of Bru-nei does not bind itself to accept the lowest or any ten-der.

### SUPPLY OF 1300 CHAIRS PLASTIC STACKING HILLE TO RBMR

1. TENDERS are invited for th supply of 1300 Chairs Plastic Stacking Hille to Ro-ya Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison.

2. Tenders should state price and delivery time. Sample can be seen at the office of DAQMG 2, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison.

3 Tender will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan at 4.00 p.m. Satur-day 11th April 1981.

4. Tender must be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the envelope of the name of the tenderer. The envelope should be endorsed "SUPPLY OF CHAIRS PLASTIC STACK-ING HILLE TO ROYAL BRUNEI MALAY REGI-MENT BERAKAS GARRI-SON."

. The Government of Bru-ne does not bind itself to ccept the lowest or any ten-der.

### SUPPLY OF BAGS PLASTIC REFUSE

TENDERS are invited for e supply of Bags Plastic Re-se disposal to Royal Brunei alay Regiment for one year mmencing 1st May 1981. he total quantity required 60,000 bags.

Delivery is required in 12 hases, each delivery comprise 13,333 bags and to take ace on the first week of each lendar month to transit, oyal Brunei Malay Regi-ent, Logistic Depot, Berakas arrison.

The tender is to state ice. Enquires on specifica-n can be made to DAQMG Office, Regimental Head-arters, Royal Brunei Malay giment, Berakas Garrison.

Tenders are to be submit-d to the Chairman, Tenders ard, Bandar Seri Begawan, unei by 4.00 p.m. Satur-y 11th April 1981. All ten-rs are to be submitted in a ain sealed envelope and ould be endorsed "ROYAL UNEI MALAY REGI-ENT PLASTIC BAGS."

The Government of Bru-cept the lowest or any ten-r.

## Di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawa-tan2 kosong yang berikut di-Jabatan Perubatan dan Kesi-hatan, Brunei.

1. PEMBANTU MAKMAL :

**Kelayakan2 :**

a) Pemohon2 mesti-lah mem-punyai Sijil Pembantu Makmal yang di-iktiraf oleh Jabatan Perubatan dan Kesihatan atau yang sebanding dengan-nya.
b) Pemohon2 yang mempu-nyai kelulusan akademik sa-hingga Tingkatan III akan di-beri keutamaan.
c) Bersedia bertugas di-ma-na2 daerah di-negeri ini.

**Tangga Gaji :**
M. 3 EB. 4 — $455-470-485-500-515-530-545-565-585-605 - 630-655-680/EB/745 780-820-860-900-940.

2. AMAH :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Chalon2 mesti-lah berumor di-antara 18 dan 40 tahun dan menulis dalam bahasa Melayu. Mereka hendak-lah sa-baik2-nya mempunyai pe-ngalaman sa-bagai Amah Rumah Sakit.

**Tugas2 :**
Chalon2 yang terpileh akan di-tempatkan di-Rumah2 Sa-kit Kerajaan, Gedong2 Ubat, kelinik kesihatan dan Asrama2 Jururawat.

Pemohon2 mesti-lah berse-dia untok bertugas siang atau malam dan bekerja di-mana2 daerah di-Negeri ini.

**Tangga Gaji :**
F. 2-3-4-5 EB.6 — $390-400-410-420-430-440-450-460-470 - 490-500-510-520-530-540-650/ EB/570-580-590-600-610-620.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar per-mohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jaba-tan itu hendak-lah menyerta-kan bersama2 dengan permo-honan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Per-khidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 7hb Mei, 1981.

(E/181/78 — Bil : 49/1981)

## Sa-bagai Atendan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawa-tan kosong sa-bagai Atendan di-Jabatan Perubatan dan Ke-sihatan, Brunei.

**Kelayakan2 :**
Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Seko-lah Melayu dan juga mem-punyai sedikit pengetahuan dalam Bahasa Inggeris.

**Tugas2 :**

Chalon2 yang terpileh akan di-tempatkan di-Rumah2 Sakit Kerajaan, Gedong2 Ubat dan di-Kelinik Kesihatan. Mereka mesti-lah bersedia menjalan-kan tugas sama ada siang atau malam di-mana2 daerah di-negeri ini.

**Tangga Gaji :**

F. 2-3-4-5 EB 6.— $390-400-410-420-430-440-450-460-470 - 490-500-510-520-530-540-560/ EB/570-580-590-600-610-620.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hen-dak-lah menghantar permo-honan-nya melalui Ketua Ja-batan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb Mei, 1981.

(E/1053/73 — Bil : 53/1981)

## TENDER NOTICE

### EXECUTION AND COMPLETION OF EARTHWORK, DRAINAGE, ROADWORK AND ASSOCIATED WORKS FOR MUARA SECONDARY SCHOOL

1. TENDERS will be receiv-ed by the Chairman, Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. registered Class 'A' Contractors for the above works upto 12.00 noon, 21st April 1981 (Tuesday).
2. Tenders received after the stipulated time will be re-jected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "Execution and Com-pletion of Earthwork, Drain-age, Roadwork and Associated Works for Muara Secondary School."
4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs Associated Consultants Pte. Ltd., Chartered Engineers, F11, 1st Floor, Seri Temasek, Seri Complex, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan from 9th April 1981 during normal office hours.
5. The tender deposit shall be B$1,000.00 (Brunei Dollars: One thousand only) in the form of Bank draft in favour of the Government of Brunei.
6. The Tender Deposit will not be refunded to the successful tenderer, and the said deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project vote.
7. The Tender Deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender draw-ings in satisfactory condition to the Engineer's Office.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## ELECTRICAL DEPT TENDER NOTICES

### TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR NEW OFFICERS MESS ARMY WORK, SERIA

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' or 'B' Electrical Contractors up to 12.00 noon, 5th May, 1981.
2. Tenders received after the stipulated time will be re-jected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLA-TION FOR NEW OFFICERS MESS ARMY WORK, SE-RIA."
4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs. Brisma International Consultants, F12, Seri Tema-sek, Seri Shopping Complex, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 15th April 1981 onwards during normal office hours.
5. The tender deposit will be B$500.00 (Brunei Dollars: Five Hundred Only) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei. The tender de-posit will not be refunded to the successful tenderer.

The tender deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce docu-mentary evidence that he is a Class 'A' or 'B' Electrical Contractor.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER FOR AIRCONDITIONING INSTALLATION FOR NEW OFFICERS MESS ARMY WORK, SERIA

1. TENDERS will be re-ceived by the Chairman, Ten-ders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' or 'B' Airconditioning Contrac-tors up to 12.00 noon 12th May 1981.
2. Tenders received after the stipulated time will be re-jected.
3. Tenders must be submit-ted in sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR AIR-CONDITIONING INSTALLATION FOR NEW OFFICER MESS ARMY WORK, SERIA."
4. Tender document may be obtained from the office of Messrs Brisma International Consultants, F12, Seri Tema-sek, Seri Shopping Complex, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 22nd April 1981 onwards during normal office hours.
5. The tender deposit shall be $500.00 (Brunei Dollars Five Hundred Only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful ten-derer.

The Tender Deposit shall be returned to all unsuccess-ful tenderers who have sub-mitted bona-fide tenders and who have returned the tender drawings in satisfactory con-dition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of ten-der document each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' or 'B' Aircondi-tioning Contractor.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Sa-bagai Jurutaip di-AMDB

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawa-tan kosong sa-bagai Jurutaip di-Askar Melayu Diraja Bru-nei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**
a) Pemohon2 mesti-lah mem-punyai pengalaman beker-ja sa-bagai Jurutaip atau Kerani di-Jabatan2 Kera-jaan sekurang2-nya sa-la-ma tiga tahun.
b) Pemohon2 mesti-lah ber-umor di-antara 18 tahun hingga 35 tahun dan lulus Tingkatan III atau yang sebanding dengan-nya.
c) Boleh menaip sekurang2-nya 40 perkataan sa-minit dan mempunyai kelayakan Trengkas ada-lah merupa-kan satu kelebehan.

**'Am-nya :**
Chalon2 yang berjaya hen-dak-lah bersedia untok ber-khidmat di-mana2 sahaja di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**
D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555 - 580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang ber-khidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar per-mohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jaba-tan itu hendak-lah menyerta-kan bersama2 dengan permo-honan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Per-khidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb Mei, 1981.

(E/103/81—Bil : 52/1981)

## Department of Agriculture Tender Notices

TENDERS are invited for the supply of the following poultry foodstuffs to the Department of Agriculture for a period of one(1) year : —

1) Starter (chicks) — (Mash or Crumbles) — 10 tons and upwards
2) Growers — Pellets — 10 tons and upwards
3) Layers (complete) — (Pellets) or (Mash) — 20 tons and upwards.
4) Broiler (starter) — (Pellets or Mash) — 10 tons upwards.
5) Broiler (Finish) — (Pellet or Mash) — 20 tons and upwards.

All feeds should be fresh, of good quality, free of con-taninants and confirm to the analysis given below. Feed should be packed in 40 or 50 kg. bags, new and of good quality. Tenders must be prepared to supply in mixed 5 tons on request and deliver to the Sinaut Agricultural Training Centre, Mile 21, Jalan Tutong, Mentiri Station, Luahan Project, Jerudong.

**FEED ANALYSIS**
**FEED QUALITY OR NUTRITIVE VALUE OF FEED**

| Analysis | Starters (chicks) | Grower | Layer (complete) | Broiler (Start) | Broiler (Finish) |
|---|---|---|---|---|---|
| Moisture | 12–13 | 12–13 | 12–13 | 12–13 | 12–13 |
| C. Protein | 20% | 16% | 16% | 22% | 20% |
| C. Fat | 5% | 5% | 5% | 7–8% | 7–8% |
| C. Fibre | 5% | 5% | 5–6% | 3.5% | 3.5% |
| Lysin | 1.0 | 0.8 | 0.7 | 1.2 | 1.0 |
| Methionine | 0.45 | 0.32 | 0.28 | 0.50 | 0.45 |
| Tryptophan | 0.2 | 0.16 | 0.11 | 0.25 | 0.20 |
| Ash | 8% | 10% | 14% | 8% | 8% |
| Ca | 1 | 1 | 2.3.5 | 1 | 1 |
| P. | 0.7 | 0.6 | 0.8 | 0.8 | 0.7 |

Tender should be submitted in a sealed envelopes marked "Department of Agriculture Poultry Feeds" to the Chairman, Brunei Tenders Board at the office of the State Financial Offi-cer Ground Floor of the State Secretariat, Bandar Seri Bega-wan, not later than 18th April, 1981.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDERS are invited for the supply of the following fertili-zers to the Department of Agriculture, Brunei : —

1. Urea (46% N) — 250 tons and upwards.
2. Rock Phosphate (Minimum 36% P2 05) — 150 tons and upwards.
3. Muriate of Potash (Minimum 58% K2 0) — 150 tons and upwards.
4. Kieserite (Minimum 27% Mg 0) — 100 tons and upwards.
5. Triple superphosphate (Minimum 36% P2 05) — 20 tons and upwards.
6. Sulphate of potash — magnesia (Minimum 26% K2 0, 9% Mg 0) — 30 tons and upwards.
7. Agricultural grade Magnesian Limestone (Analysis to be stated) — 30 tons and upwards.
8. Agricultural grade Limestone (Analysis and fine-ness to be stated) — 1000 tons and upwards.
9. Molybdenised supers — 20 tons and upwards.

2. Suppliers should submit quotations giving the following information : —
   (a) Price c.i.f. Muara Port.
   (b) Price c.i.f. Agricultural Stores Kilanas Station.
   (c) Size/capacity of bags.
   (d) Type of bags to be used with details of quality grade.
   (e) Date of delivery
   (f) Source of materials to be supplied.
3. Tenders should be accompanied by a certificate of analy-sis by a registered analytical chemist recognised in Malaysia, Singapore or equivalent.
4. Suppliers must undertake to supply not less than 2% empty bags and to replace or rebag any broken containers at their own charge. Suppliers will be responsible for protection of fertilizers from adverse weather at port of unloading and in transhipment to Departmental Stores.
5. Tenders should be submitted to the Chairman, Brunei Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon Wednesday 22nd April, 1981.

Tenders should be marked "Agricultural Department Fer-tilizers — Confidential."

6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.



Pengiran Yura Perkasa.

# ISTIADAT BERSANDING HARI SABTU INI



Pengiran Anak Mastura.

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Istiadat perkahwinan di-antara Yang Mulia Pengiran Anak Mastura binte Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Wal-Mashuarah Pengiran Muda Haji Mohammad Alam dengan Yang Mulia Pengiran Yura Perkasa bin Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusuf telah di-mulakan dengan Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga di-Lapau Isnin lalu.**

Istiadat perkahwinan ini kemudian-nya di-ikuti dengan upachara menerima tanda pada malam semalam dan ini di-teruskan pada petang ini (Rabu) di-mana istiadat menerima pertunangan di-langsongkan bertempat di-rumah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri serta rombongan Diraja di-jangka akan berangkat di-dalam istiadat berbedak yang akan di-adakan malam esok di-rumah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha.

Sementara itu, istiadat akad nikah di-pehak lelaki pula akan di-langsongkan pada petang hari Juma'at bertempat di-Teratak Yura, Kampong Sengkarai, Tutong, dan di-hari sama istiadat Bersiram Berbedak Lulutan di-adakan di-rumah pehak perempuan.

Istiadat kemudian-nya di-teruskan dengan istiadat bersanding di-rumah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha pada hari Sabtu, 11hb April. Istiadat menutop gendang jaga-jaga dan membacha doa selamat di-rumah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha pula akan di-adakan pada hari Rabu 15hb April.

Yang Mulia Pengiran Yura Perkasa di-lahirkan pada 7hb April 1958 di-Kampong Mabohai dan sementara itu Yang Mulia Pengiran Anak Mastura pula di-lahirkan pada 16hb Januari 1960 di-Jalan Istana Darul Hana di-sini.

# Kembali dari Seminar Rantau Asia



BANDAR SERI BEGAWAN.— Dua orang wakil Brunei, Pengiran Suhaimi bin Pg Wahid dan Awang Azahari Haji Ahmad telah kembali ka-tanah ayer sa-telah menghadhiri satu Seminar Belia Rantau Asia sa-lama lapan hari yang telah bermula dari 25hb Mach hingga 1hb April lepas di-Kuala Lumpur (atas).

Seminar yang bert 'International Youth operation For The Development Decade-sent Task and F Challenges' itu di-ken kan oleh Majlis Belia dengan kerjasama Majlis Persekutuan Jerman, Majlis Belia laysia serta Kement Kebudayaan, Belia Sokan Malaysia.

Sa-ramai 54 orang serta dari 12 buah n termasok dua orang jawatankuasa ter Majlis Belia Jerman mengambil bahagian geri2 tersebut ia-lah gladesh, Fiji, India, nesia, Republik K Malaysia, Nepal, Fil Singapura, Thailand, man dan Brunei.

Timbalan Menter budayaan, Belia dan kan Malaysia, YB Chong Aua Ngia merasmikan pemb seminar tersebut man penutopan-nya di-lak oleh Timbalan M Wilayah Persekutua Enche Abdullah Ahmad.

## Penghargaan dan t-kaseh dari Kampong Menunggol

KAMPONG MENUNGGOL, Daerah Brunei-Muara.—Ketua Kampong Menunggol, Awang Japar bin Kassim, mewakili Setiausaha Ahli2 Jawatankuasa Masjid serta pendudok2 Kampong Menunggol, ingin merakamkan berbanyak2 ribuan terima kaseh kapada Ahli2 Badan Kebajikan Penuntut2 Maktab SOAS, kerana projek membersehkan kawasan perkuboran Orang2 Islam di-Kampong Menunggol, yang telah mereka laksanakan pada 5hb April, yang baru lalu.

Uchapan terima kaseh juga, ingin beliau sampaikan kapada setiausaha badan tersebut, Awang Karim bin Haji Murah dan Penasihat Serta Pengawas Badan Kebajikan itu, Chegu Arpan Shahbudin bin Haji Latif. Di-atas inisiatif yang telah mereka jalankan, yang akan menjadi kenangan abadi, bagi pendudok2 Kampong Menunggol dan sekitar-nya.

## Kawasan kebakaran Kg. Sultan Lama di-bersehkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebeh daripada 200 orang ahli2 sukarelawan telah menyertai dalam satu kempen bagi membersehkan kawasan kebakaran Kampong Sultan Lama (bawah) di-ibu negeri pada hari Ahad lalu.



Kempen tersebut telah di-mulakan oleh Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awg Haji Hussain, Pegawai Daerah Brunei-Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar dan pegawai Pentadbir Kanan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Awang Sidek bin Yahya serta beberapa orang pegawai2 kanan kerajaan yang lain.

Kerja2 memuchang itu di-kelolakan oleh Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sultan Lama (PAPP) dan di-bantu oleh beberapa buah jabatan2 kerajaan termasok Jabatan2 Kerja Raya, Daerah Brunei-Muara, Bandaran serta firma2 dan kaki-tangan dari bahagian kerahantenaga awam Askar Melayu Diraja Brunei.

Kebakaran di-Kampong Sultan Lama telah berlaku pada awal bulan Februari lalu yang mana telah menglibatkan kira2 60 hingga 70 buah rumah ranap dan pulohan keluarga yang berjumlah kira2 1,000 orang telah kehilangan rumahtangga.

## 43 anggota AMDB berkursus ka-Hongkong

BERAKAS. — Satu kumpolan yang mengandongi sa-ramai 34 orang anggota Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah berlepas ka-Hongkong Juma'at lalu, 3hb April, bagi menyertai Perlawanan Sokan Olahraga Hongkong pagi tahun 1981.

Anggota2 yang mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut ada-lah dari Pasokan Major Yunit, yang telah terpileh melalui satu Perlawanan Sokan Olahraga Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, yang telah berlangsong di-Stadium Hassanal Bolkiah Gadong akhir bulan Mach lalu.

Mereka akan mengambil ba'hagian dalam beberapa achara Perlawanan Sokan Olahraga Hongkong, yang akan di-adakan sa-lama dua hari berturut-turut, mulai esok, 9hb April. Mereka akan kembali ka-tanah ayer pada 11hb April, 1981.



KELIHATAN anggota2 dari Pasokan Major Yunit AMDB yang kini sedang berada di-Hongkong bagi menyertai Perlawanan Sokan Olahraga Hongkong 1981. Di-sini kelihatan mereka bergambar sa-jurus sa-belum berlepas meninggalkan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

## Sertai persidangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ampuan Haji Mohammad Yassin bin Ampuan Salleh telah berlepas ka-Fiji untok menyertai Persidangan Kehutanan Asia Pasifik Kesebelas yang berlangsong di-Suva, Fiji.

Persidangan yang bermula pada hari Isnin itu di-sertai oleh wakil2 dari negara2 komenwel yang lain.

## *Keberangkatan D.Y.M.M.*

Dari muka 1

Mohd Limbang dan Ketua Jurutera Letrik, Malai Ali bin Malai Haji Othman serta pegawai2 kanan Pos dan Letrik.

Baginda Yang Dipertuan kemudian-nya di-junjong oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ka-Bilek Taklimat bagi mendengarkan penerangan mengenai peranan dan perkembangan jabatan2 berkenaan yang telah di-sembahkan oleh ketua jabatan masing2 sa-chara bergilir2 di-bilek taklimat yang sama.

Sa-telah mendengar taklimat, Baginda dan rombongan kemudian-nya berangkat untok meninjau dan menyaksikan sa-chara dekat tentang pengendalian tugas2 yang di-laksanakan oleh pegawai2 dan kaki-tangan jabatan2 berkenaan.

## Berkursus ka-Bangkok



AWANG Zamhari b Hassan, Penolong Pe sa Pos telah bertolak Bangkok pada 5hb lalu bagi mengikuti k kali ke-enam Audit Pemereksaan Pejabat di-The Asian and O Postal Training S Bangkok, Thailand s lebeh kurang 12 yang bermula pad April, 1981 hingga Jun 1981.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.